

**Jilid III  
Bil. 3**



**Hari Khamis  
28hb Mac, 1985**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 357]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 410]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S., (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, **DATO' MAK HON KAM**, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.I., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG.  
D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

- Yang Berhormat TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N., (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

- „ DATO' MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

- Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 28hb Mac, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin  
Hassan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya minta  
Tuan Yang di-Pertua membenarkan  
tambah kalimah yang akhir sekali  
pada soalan saya (b) iaitu kekurangan  
"kapal".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebut  
semula Yang Berhormat.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Saya minta kebenaran dapatlah se-  
kiranya pihak Tuan Yang di-Pertua  
membenarkan tambahan pada peng-  
hujung soalan saya ini iaitu ".....  
Malaysia masih banyak lagi ke-  
kurangan," dia berhenti di situ sahaja.  
Jadi saya minta ditambah ".....Ke-  
kurangan 'kapal'."

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kapal?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Ya, kapal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila  
pinda.

## BARANG EKSPORT MALAYSIA

1. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan  
minta Menteri Perdagangan dan Per-  
industrian menyatakan:

(a) berapa peratuskah barangan  
Malaysia yang dieksport ke luar  
negeri secara FOB dan dengan  
secara CIF dan CNF masing-  
masingnya; dan tiap-tiap ba-  
rangan Malaysia yang dieksport  
ke luar negeri berapa peratus-  
kah yang dapat dikagokan  
dengan kapal-kapal Malaysia;  
berapa peratus yang melalui  
pelabuhan Malaysia sendiri dan  
berapa peratus pula yang masih  
melalui Pelabuhan Singapura; dan

(b) barang-barang yang diimport  
dari luar negeri berapa peratus-  
kah yang masih melalui Pe-  
labuhan Singapura dan pada  
jangka Kerajaan berapa lama-  
kah lagi agaknya segala  
barangan import dan export  
dapat menggunakan pelabuhan  
kita dengan sepenuh-penuhnya  
dan benarkah Malaysia masih  
banyak lagi kekurangan "ka-  
pal".

**Timbalan Menteri Perdagangan dan  
Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin  
Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-  
Pertua,

(a) Pada masa sekarang kita masih  
belum lagi mempunyai satu  
sistem pengumpulan data yang

komprehensif, khususnya berkenaan dengan maklumat-maklumat atau data-data perkapalan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat perkapalan sedang diusahakan oleh agensi-agensi perkapalan yang terlibat. Daripada kajian dan sumber-sumber yang diperolehi daripada agensi-agensi tertentu, dapatlah dianggarkan bahawa 95% barangan Malaysia dieksport ke luar negeri secara f.o.b. dan hanya 5% dieksport secara c.i.f. dan c.n.f.

Daripada jumlah eksport Malaysia penglibatan kapal-kapal Malaysia di dalam pengangkutan barangan sendiri adalah amat rendah sekali iaitu dianggarkan kurang daripada 5%. Adalah juga dianggarkan bahawa 35%-40% eksport Malaysia ke luar negeri adalah melalui pelabuhan Singapura. Daripada kajian yang dibuat didapati bahawa sejumlah besar barangan Malaysia yang dieksport melalui pelabuhan Kelang diangkut ke pelabuhan Singapura melalui perkhidmatan "feeder".

- (b) Peratus import Malaysia melalui pelabuhan Singapura tidak dapat dianggarkan memandangkan buat masa ini pengumpulan statistik yang ada tidak komprehensif seperti yang telah dimaklumkan terlebih dahulu. Usaha Kerajaan untuk menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia dengan sepenuhnya bagi mengendalikan import dan eksport adalah sangat baik walaupun terdapat kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi seperti persaingan dengan pelabuhan jiran, ketidakcukupan kapal-kapal yang singgah dan lain-lain. Adalah

tidak benar pelabuhan-pelabuhan Malaysia masih banyak mempunyai kekurangan kerana pelabuhan-pelabuhan Malaysia mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mengendalikan barangan import dan eksport.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa eksport barangan melalui Singapura di antara 35% ke 40%. Jadi apakah jenis-jenis barangan utama yang dieksport melalui Singapura itu.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, eksport barangan utama Malaysia melalui pelabuhan Singapura adalah seperti berikut, bagi tahun 1981 iaitu perangkaan yang agak terakhir yang perolehi:

Getah .. .. .	30%
Minyak Kelapa Sawit	30%
Kayu-kayan .. .. .	54%
Nenas .. .. .	100%

## HAKISAN PANTAI DI KAMPUNG PUNANG LAWAS

2. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang hakisan pantai di Kampung Punang Lawas, yang mana tebing sungai semakin hari semakin dekat kepada kampung menyebabkan orang kampung terpaksa berpindah ke tempat lain; jika sedar, adakah Kerajaan bercadang supaya membina "water-breakers" ataupun mengambil langkah yang lain supaya masalah ini dapat diatasi dengan segera. Jika ya, bilakah rancangan ini akan dilaksanakan dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang hakisan pantai di Kampung Punang, Lawas, Bahagian Kelima Sarawak. Usaha untuk mencegah hakisan pantai di tebing sungai di Negeri Sarawak sedang dijalankan oleh JKR Sarawak. Jabatan Kerjaraya Negeri Sarawak telah memberitahu kepada saya bahawa kerja ukur kejuruteraan terhadap reka bentuk projek tersebut sedang dijalankan oleh Jabatan yang bertanggungjawab itu.

### **PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG**

**3. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah syarat-syarat perjanjian penggunaan Pulau Bidong khasnya dan negara ini amnya sebagai pusat penempatan sementara pendatang-pendatang haram Vietnam. Berapa bilangan kedatangan pendatang-pendatang haram pada tahun 1984 dan 1985 hingga sekarang. Berapa yang dihantar ke negara-negara ketiga dan berapa yang masih tinggal di pelbagai-bagai pusat penempatan di negara ini. Bolehkah Pulau Bidong dibatalkan daripada menjadi pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheik Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memberi kemudahan singgah sementara kepada pendatang haram Vietnam semata-mata berasaskan kepada peri kemanusiaan serta menyahut rayuan daripada Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian. Oleh yang demikian, Kerajaan hanya menyediakan kem-kem pendatang haram di tempat-tempat yang sesuai dan menyelenggarakan pentadbiran dan kebajikan pendatang-pendatang haram termasuk kem di Pulau Bidong.

Kerajaan tidak mengadakan sebarang perjanjian dengan mana-mana pihak untuk menggunakan Pulau Bidong sebagai kem penempatan sementara pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara ini. Oleh kerana kemasukan pendatang haram Vietnam telah berkurangan, kem-kem sementara di negeri-negeri lain telah pun ditutup dan Pulau Bidong masih dijadikan sebagai kem sementara oleh kerana kebanyakan pendaratan pendatang haram ialah di kawasan pantai negeri Terengganu.

Kerajaan Malaysia tidak terlibat menampung perbelanjaan bagi menyelenggarakan mana-mana kem sementara pendatang haram Vietnam di negara ini. Sebaliknya, segala perbelanjaan untuk mentadbir dan menyelenggarakan kem-kem ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian.

Dalam tahun 1984, 9,239 orang pendatang haram telah mendarat di negara ini, manakala 1,260 orang telah mendarat dalam tahun ini, iaitu sehingga 20-3-1985.

10,460 orang pendatang haram telah dipindahkan ke negara-negara ketiga dalam tahun 1984 dan 1,795 orang telah diterima oleh negara-negara ketiga dalam tahun ini, iaitu sehingga 20-3-1985.

Pada 27-3-1985, seramai 8,050 orang pendatang haram masih berada di negara ini.

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Pulau Bidong sebagai pusat penempatan sementara pendatang haram Vietnam oleh kerana pendaratan mereka di negara ini masih belum berhenti. Dalam pada itu kem ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi penempatan sementara yang boleh mempercepatkan proses pemilihan oleh negara-negara ketiga.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini, adakah Kerajaan mempunyai satu jadual waktu (time frame) dalam mana Pulau Bidong akhirnya akan bebas jadi keadaannya seperti sedia kala dan adakah pihak Kerajaan bermaksud hendak merundingkan perkara ini dengan pihak Suruhanjaya Pelarian, Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi buat sementara waktu Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Pulau Bidong sebagai satu Pusat Penempatan Sementara dan perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa dan saya percaya bahawa Kerajaan kita selalu berunding dengan pihak-pihak yang tertentu untuk menamatkan kedatangan pendatang-pendatang haram di negara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu apakah sambutan yang diberi oleh masyarakat antarabangsa dalam perkara penempatan semula pendatang-pendatang haram Vietnam ini dan adakah negara Malaysia mengalami apa-apa kerumitan ataupun kesulitan dalam perkara ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa negara-negara ketiga khususnya negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan Perancis telah pun menerima beribu-ribu orang pendatang haram yang datang buat sementara mendarat di negara kita dan sambutannya amatlah menggalakkan. Jika kita melihat dari segi angka yang saya sebutkan tadi, dalam tahun 1984 9,239 orang pendatang haram telah mendarat manakala 10,460 orang pendatang haram

telah dipindah ke negara-negara ketiga dan juga walaupun 1,260 orang telah mendarat dalam tahun ini sebanyak 1,795 orang telah diterima oleh negara-negara ketiga.

#### PERMULAAN UMUR PENDUDUK

**4. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah permulaan umur penduduk di dalam negara ini untuk digolongkan dalam kategori "orang tua" (aged) dan berapa ramaikah mereka yang termasuk di dalam golongan ini dan peratusannya dari jumlah penduduk dalam negara ini;
- (b) apakah persediaan Kerajaan bagi memberikan khidmat dan kebajikan kepada golongan tua (aged) ini dan pernahkah Sektor Swasta memperlihatkan minat untuk menubuhkan institusi Kebajikan bagi golongan "tua" (aged) di dalam negara ini; dan
- (c) apakah sumbangan World Health Organisation (WHO) United Nations terhadap bantuan dan kebajikan kepada golongan "tua" (aged) di dalam negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) "Ketuaan" ialah suatu proses kemerosotan keupayaan dalam kehidupan seseorang. "Tua" ialah suatu perkataan yang sukar diberi pengertian tepat kerana tidak ada umur kronologi yang pasti atau standard yang digunakan sejagat. Biasanya orang tua diertikan sebagai seorang yang telah meningkat 60 tahun atau lebih dan World Assembly on

Ageing, dengan izin, yang diadakan di Vienna pada tahun 1982 di bawah anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi tafsiran umur yang sama. Mengikut Banci Penduduk 1980, bilangan orang tua di Malaysia adalah seramai 734,000 orang iaitu 5.4% dari jumlah penduduk.

- (b) (i) Perkhidmatan bagi membantu orang tua yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah:
- (a) Pemberian bantuan kewangan untuk mereka yang miskin dan tanpa punca pencarian atau pendaatang atau keluarga yang boleh membantunya. Pada tahun 1984, seramai 9,823 orang tua telah menerima Bantuan Orang Tua yang berjumlah \$5,120,985.00.
- (b) Mengadakan Rumah Orang Tua untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada mereka yang memerlukannya. Pada tahun 1984 seramai 2,490 orang tua telah diberi jagaan dan perlindungan dalam 14 buah Rumah Orang Tua yang diselenggarakan oleh Kerajaan.
- (b) (ii) Berkenaan dengan penglibatan sektor swasta, pihak itu belum lagi terlibat secara langsung tetapi sedang memberi sokongan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam mengendalikannya rumah-rumah orang tua. Untuk

makluman Yang Berhormat, pertubuhan-pertubuhan sukarela tersebut sedang mentadbirkan sebanyak 168 buah "Pondok" atau Rumah Orang Tua untuk seramai 1,801 orang tua.

- (c) Setelah "World Assembly on Ageing" diadakan pada tahun 1982, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberi bantuan untuk menjalankan satu kajian mengenai "Health Care of The Elderly". Kajian ini masih belum diselesaikan lagi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini Kementerian yang berkenaan memberi pertolongan hanya sebanyak \$30.00 bagi orang tua ini untuk sebulan. Adakah Kementerian itu bercadang untuk menambahkan bantuan itu memandangkan keadaan-keadaan keperluan sangat meninggi pada masa ini.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bantuan kewangan bagi seseorang miskin adalah berbeza dari satu negeri ke satu negeri pada masa dahulu. Tetapi sesudah penubuhan Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara baru-baru ini kadar minima telah pun diselaraskan dengan kadar minima di seluruh negara.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Adakah Kerajaan sedar pada setakat ini adalah amat kurang rumah-rumah orang tua di seluruh negara dan apa ada rancangan Kerajaan untuk menambahkannya dan apa rancangan latihan

Kerajaan sedang berjalan untuk penjaga-panjaga (nursing staff) rumah-rumah orang tua sebab penjaga-penjaga di rumah-rumah orang tua pada masa ini adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu mengemukakan soalan sahaja.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalannya....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila potong daripada, ".....sebab sekian, sekian, sekian.....".

**Tuan Gooi Hock Seng:** Pada masa sekarang ini apa rancangan Kerajaan ada untuk melatih penjaga-penjaga rumah-rumah orang tua sebab perkhidmatan sekarang adalah amat rendah?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar ada kekurangan rumah-rumah orang tua sangat begitu teruk seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kementerian saya memang dari semasa ke semasa mengkaji keperluan negara kita untuk menempatkan ataupun memberi bantuan kepada orang tua, kajian memang dijalankan dari masa ke semasa.

## PENYELUDUPAN BAYI

5. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penyeludupan bayi yang dikesan pada tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan 1984; dan
- (b) apakah bentuk tindakan yang dihadapi kepada pihak yang terlibat.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penyeludupan bayi yang dapat dikesan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kejadian	Jumlah anak yang terlibat	Jumlah orang yang ditangkap
1980 ..	1	3	—
1981 ..	3	5	9
1982 ..	3	3	7
1983 ..	2	2	2
1984 ..	7	10	13
Jumlah Besar	16	23	31

Pihak berkuasa telah dan sedang menyasat dan mengambil tindakan-tindakan mahkamah kepada pihak-pihak yang terlibat seperti berikut:

Hukuman Penjara	Jumlah
Penjara selama satu tahun	1 orang
Penjara selama lapan bulan	2 ..
Penjara selama empat bulan	2 ..
Hukuman Denda	Jumlah
Denda sebanyak \$4,000.00 setiap seorang	1 orang
Denda sebanyak \$3,000.00 setiap seorang	4 ..
Denda sebanyak \$1,500.00 setiap seorang	1 ..
Denda sebanyak \$1,200.00 setiap seorang	1 ..
Denda sebanyak \$100.00 setiap seorang	2 ..
Dibebaskan kerana kekurangan bukti	5 ..
Di dalam penyiasatan pihak polis dan perbicaraan mahkamah	12 ..
Jumlah ..	31 orang

**Tuan Haji Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang kemasukan bayi ini yang bersalah ialah mereka yang membawa masuk, tetapi bayi itu tidak bersalah. Jadi, ke manakah bayi-bayi itu dihantar dan kalau sekiranya kita hantar ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, apakah kesudahan anak yang diseludupkan itu.

Adakah dia akan diberi taraf kerakyatan ataupun dihantar kembali kepada negara asalnya atau bagaimana tindakan yang Kerajaan jalkan setakat ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa bayi-bayi yang diseludup ke negara kita itu tidak bersalah dan orang-orang yang membawanya telah pun diambil tindakan terhadap mereka dan bayi-bayi yang dapat dikesan sebanyak 23 orang, yang mana terdiri 14 orang lelaki dan 9 perempuan berumur di antara 4 hari ke 1 tahun diserahkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dan Negeri Perlis, kerana kejadian penyeludupan bayi kesemuanya boleh dikatakan berlaku di sempadan negeri Kedah dan Perlis untuk tujuan pengawasan. Jika kita boleh mencari bapa ataupun ibu asalnya itu kita akan berusaha menghantarnya balik, tetapi jika tidak berkemungkinan dia akan diberi kepada bapa-bapa angkat untuk dijadikan anak sendiri, sementara itu kita akan tunggulah selepas bayi itu besar kelak.

#### **PINJAMAN PERUMAHAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH**

**6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman perumahan dari golongan yang berpendapatan rendah yang telah diluluskan dalam tahun 1984; dan
- (b) adakah Kementerian telah/akan mengambil jumlah pinjaman perseorangan memandangkan jumlah yang diberikan sekarang amat kecil untuk memberi peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah ini membeli rumah yang lebih selesa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1984 sejumlah 17,361 permohonan pinjaman perumahan telah diluluskan kepada golongan kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah iaitu mereka yang terdiri dari Kumpulan C dan D.

Jumlah nilai pinjaman yang telah diluluskan itu ialah lebih kurang \$1,020 juta. Dari jumlah tersebut seramai 10,000 yang bernilai \$800 juta adalah dari Kumpulan C dan 7,361 yang bernilai \$220 juta adalah dari Kumpulan D.

Jumlah permohonan pinjaman dari golongan kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah ini merupakan sebanyak 82.34% daripada jumlah permohonan pinjaman perumahan yang telah diluluskan bagi tahun 1984.

Pada 1-2-85 Kementerian saya telah menambah kelayakan pinjaman perumahan bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Polis Diraja Malaysia yang berpangkat rendah. Selain daripada itu Kementerian Kewangan tidak bercadang mengambil apa-apa tindakan buat masa ini untuk menambah jumlah atau kelayakan pinjaman perseorangan kerana perbelanjaan di atas pembelian pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan sedang menjadi beban berat kepada sumber kewangan Kerajaan memandangkan kepada keadaan ekonomi negara pada masa ini yang memerlukan langkah-langkah penjimatan diambil di dalam beberapa bidang aktiviti-aktiviti Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan dari golongan berpendapatan rendah adalah memuaskan apabila dibandingkan dengan penyertaan dari golongan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa kakitangan Kerajaan daripada Kumpulan D merupakan bilangan yang ramai untuk membuat pinjaman perumahan. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan pinjaman perumahan kepada kakitangan ini iaitu untuk meluluskan pinjaman kakitangan Kerajaan dari Kumpulan D untuk membuat rumah separuh kekal kerana kalau mereka hendak membuat rumah kekal kosnya adalah terlalu tinggi. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan supaya kakitangan Kumpulan D ini boleh diluluskan permohonan mereka untuk membuat rumah separuh kekal.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat sekarang tidak ada cadangan.

### LAPORAN TAHUNAN KEMENTERIAN KEPADA PARLIMEN

7. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada segala Kementerian-kementerian akan diminta mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen berkenaan keadaan projek dan modal yang dilaburkan kerana orang ramai berhasrat mengetahui bagaimana wang itu digunakan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap "Off Budget Agencies" bagi menghantar akaun-akaunnya pada tarikh yang ditetapkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk meminta Kementerian-kementerian

mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen berkenaan projek dan modal yang dilaburkan oleh Kementerian-kementerian.

Mengikut peraturan sekarang projek-projek dan pelaburan-pelaburan Kerajaan adalah diawasi secara langsung oleh Kementerian berkenaan dan juga agensi-agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelidikan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Ketua Odit Negara juga sentiasa mengawasi prestasi projek-projek dan pelaburan-pelaburan Kementerian-kementerian berkenaan dan mengemukakan laporan tahunannya kepada Parlimen. Di samping itu Kerajaan sedang membentuk suatu sistem pengawasan prestasi syarikat-syarikat Kerajaan mengikut konsep Sistem Amaran Awal (Early Warning System), dengan izin.

Mengenai Off-Budget Agencies, sukalah saya menyatakan bahawa ianya terdiri daripada badan-badan berkanun atau syarikat-syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan. Off-Budget Agencies adalah tertakluk kepada Akta-akta atau undang-undang masing-masing yang menubuhkan badan tersebut.

Bagi Badan-badan Berkanun, ianya adalah tertakluk kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, Akta 240. Di bawah Akta tersebut Badan-badan Berkanun adalah dikehendaki mengemukakan akaun masing-masing dalam masa 6 bulan selepas berakhirnya sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audi' Negara untuk diaudit. Di bawah Akta yang sama akaun tersebut perlu dilaporkan kepada Menteri yang berkenaan. Bagi Syarikat-syarikat Kerajaan, ianya adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan di bawah Akta tersebut syarikat-syarikat berkenaan perlu mengemukakan akaun masing-masing yang diaudit

kepada Pendaftar Syarikat. Kerajaan sentiasa mengawasi melalui Kementerian-kementerian yang mengawal Off-Budget Agencies tersebut dan juga wakil-wakilnya dalam Jemaah Lembaga Pengarah supaya akaun-akaunnya dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah benar bahawa OBA-OBA Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat subsidiary telah gagal untuk membayar balik beratus-ratus juta ringgit pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan? Jika benar, apakah tindakan akan diambil?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar, ini mengikut jadual bayaran sahaja, mungkin ada yang minta tangguh jadual pembayaran.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa tiap-tiap agensi Kerajaan mestilah menyerahkan akaunnya untuk diaudit 6 bulan selepas daripada penghujung tiap-tiap tahun. Jadi, adakah kerajaan sedar bahawa kelewatan yang berlaku itu malah lebih beberapa tahun sehingga kita terima hari ini tahun 1982 pun ada. Soalnya, adakah Kerajaan mencadangkan untuk mengadakan tindakan-tindakan tertentu supaya akaun-akaun ini dapat segera diaudit oleh pihak audit dan dikemukakan kepada Kerajaan dengan kadar yang segera?

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang pertama seperti yang saya katakan tadi dalam masa 6 bulan laporan ini perlu dikemukakan kepada Audit Negara, di peringkat itu sudah tentu

mungkin ada soalan-soalan, maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan sehingga ia boleh menyebabkan laporan itu dapat disiapkan secara keseluruhannya agak lebih lewat.

Yang kedua kepada soalan tadi, memang Kerajaan memikirkan langkah-langkah ini dan sentiasa sahaja mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ban Hong Keong.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Ban Hong Keong tidak hadir).*

## PELABURAN OLEH SYARIKAT SINGAPURA

**9. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini berapa orang pelabur ataupun syarikat Singapura yang telah melabur atau akan melabur sebagai menyambut pelawaan Kerajaan Malaysia kepada pelabur-pelabur Singapura dan nyatakan jenis-jenis industri yang mereka minati.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1984, terdapat sebanyak 777 buah projek perindustrian daripada Singapura yang telah diberi kelulusan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 611 projek sedang di dalam pengeluaran dengan melibatkan modal ekuiti yang berjumlah \$1,045.7 juta dan modal pelaburan sebanyak \$1,189.9 juta.

Bagi soalan Yang Berhormat mengenai jenis-jenis industri pula, adalah didapati bahawa daripada 611 buah projek yang sedang dalam pengeluaran, 95 adalah di dalam

bidang industri makanan, 67 barang-barang kimia, 63 kayu dan barang-barang kayu, 60 buah logam dibentuk, 56 ialah industri tekstil dan barang-barang tekstil sementara baki sebanyak 270 lagi ialah di dalam 15 bidang industri lain, seperti elektrik dan elektronik, barang-barang galian bukan logam, dan plastik.

### PENDATANG HARAM— TANGKAPAN POLIS

**10. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan rakyat Indonesia dan lain-lain pendatang haram yang ditangkap oleh Polis pada 28-2-1985 dengan memberikan satu pecahan angka menurut negeri-negeri;
- (b) jumlah bilangan rakyat Indonesia dan lain-lain pendatang haram yang dihantar balik pada 28-2-85 kerana tidak memiliki dokumen imigresen yang sah; dan
- (c) apakah langkah tertentu yang telah diambil untuk mengawasi aliran kemasukan pendatang haram ke negara ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985, iaitu sehingga 28hb Februari, 1985 seramai 2,928 orang pendatang haram telah ditangkap dan 2,390 orang daripada mereka telah diusir keluar dalam tempoh yang sama. Pecahan angka pendatang haram yang telah ditangkap mengikut negara asal mereka adalah seperti berikut:

Bangladesh ..	17 orang
Burma .. ..	39 ..
Indonesia ..	1,752 ..
Kemboja ..	10 ..
Pakistan ..	2 ..

Thailand ..	29 orang
Vietnam ..	1 ..
Filipina .. ..	1,078 ..
Jumlah ..	<u>2,928 orang</u>

Kementerian Dalam Negeri telah memperketatkan kawalan di semua pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta mengadakan pemeriksaan yang lebih rapi terhadap semua warganegara asing yang masuk. Di samping itu, juga telah ditingkatkan rondaan oleh pihak Polis Merin di kawasan perairan Malaysia dengan tujuan mengesan dan mencegah kemasukan secara haram mana-mana warganegara asing melalui laut. Rondaan-rondaan di kawasan pantai dan sempadan daratan telah diperkemaskan lagi.

Kementerian Dalam Negeri tetap akan mendakwa, menangkap dan mengusir pendatang-pendatang haram yang dikesan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian sehingga hari ini dapat menyiasat sama ada kemasukan pendatang-pendatang haram ini, baikpun dari Indonesia ataupun negara-negara yang lain adalah dilakukan oleh sindiket-sindiket yang tertentu. Dan sekiranya boleh disiasat dan didapati bahawa ini adalah dengan kegiatan-kegiatan sindiket ini, suka saya mendapat tahu sama ada pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas terhadap sindiket-sindiket ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jika terdapat bukti bahawa adanya sindiket-sindiket yang berusaha memasukkan

pendatang-pendatang haram dari Indonesia ataupun negara-negara lain, pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jawapannya dan angka-angka yang diberikan akan memeranjatkan rakyat jelata kerana angka-angka itu menunjukkan bahawa Kerajaan tidak ada kemahuan mahu mengatasi selesai masalah ini oleh kerana angka-angka ialah sampai Februari sejumlah 2,300 orang sahaja yang dihantar balik, tak sampai 1% pendapat haram yang ada di negara ini. Bolehkah Kerajaan menjelaskan kenapa Kerajaan menghadapi masalah begitu sukar untuk menyelesaikan masalah ini?

Kedua, Kenapa Kerajaan sungguhpun sudah mencapai satu perjanjian dengan pihak Indonesia mengenai pembekalan tenaga buruh untuk mengatasi masalah kekurangan buruh, perjanjian inipun tidak boleh dengan berkesan mengatasi masalah ini oleh kerana ada juga sungutan-sungutan oleh majikan-majikan estet dan lain-lain di Johor mengenai kekurangan tenaga? Adakah benar bahawa dari batch pertama, akibat daripada perjanjian ini, dari 100 orang, 67 orang sudah dihantar balik?

Akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan bahawa ada di negara kita lebih kurang 20,000 orang pendatang haram orang Islam daripada Burma, khususnya di Terengganu dan kenapa mereka dibenarkan di sana untuk dua, tiga tahun dan dieksploitasikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang menjadi majikan mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tersebut ada yang mengandungi merupakan soalan pokok, ada juga mengandungi unsur-unsur tomahan dan tuduhan dan ada

juga mengandungi unsur-unsur persoalan yang terkeluar daripada soalan asal. Saya serahlah kepada Yang Berhormat yang mana Yang Berhormat hendak menjawabnya dan yang mana Yang Berhormat tak mahu menjawabnya. Silakan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah masalah pendatang haram ini bukan masalah yang baru. Sebagaimana yang saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali bahawa masalah pendatang haram ini wujud sebelum kita mencapai kemerdekaan lagi.

Tentang perjanjian yang kita tandatangani iaitu pada 10hb Mei, 1984 berkenaan dengan kemasukan pekerja-pekerja daripada negara Indonesia, ini tidak bersangkutan-paut dengan kedatangan pendatang-pendatang haram. Jadi soalan asal yang ditujukan kepada saya adalah berkenaan dengan pendatang-pendatang haram yang dikesan dalam tahun 1985. Jadi saya tumpukan jawapan saya kepada angka yang terdapat iaitu 2,920 orang pendatang haram yang telah ditangkap semenjak tahun 1985 berakhir 28-2-1985.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, ada soalan ketiga. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . . dan tak patut benar Menteri hendak melarikan daripada soalan-soalan semacam ini. Saya boleh tanya (*Disampuk*). Saya kemukakan soalan tanya, tunggu jawapan. Tak erti ini lari daripada jawapan. Kalau tak tahu tanggungjawab jangan kerja di sini untuk menjawab (*Disampuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan ini ingin mengingatkan ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya sebagai Ketua Pembangkang membantu saya memelihara ketenteraman dan kemuliaan Dewan ini. Dan ingin saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ketua Pembangkang bahawa beliau tidak boleh dan tidak harus bangun selagi saya belum memanggilnya untuk bangun dan berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan membantu tetapi mahu ikut peraturan, bukan salah guna kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

#### NEGARA-NEGARA TIMUR TENGAH—PERJANJIAN PERDAGANGAN

**11. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada sebarang perjanjian perdagangan yang dibuat dengan Negara-negara Timur Tengah termasuk juga pelepasan cukai dua kali sebagaimana yang dibuat dengan negara-negara lain.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita telahpun menandatangani perjanjian perdagangan dengan 4 buah negara dari Timur Tengah iaitu dengan Republik Arab Bersatu, Republik Arab Libya, Republik Iraq dan Republik Turki. Mengenai pelepasan cukai dua kali, Malaysia tidak mempunyai sebarang perjanjian dengan mana-mana negara di rantau tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan? Tuan Thomas Salang Siden.

#### BANK PERTANIAN— KADAR FAEDAH

**12. Tuan Thomas Salang Siden:** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa kadar faedah pinjaman dari Bank Pertanian buat masa sekarang adalah sangat tinggi iaitu 12 peratus hingga 19 peratus setahun sedangkan kadar faedah Akaun Simpanan hanyalah 4 peratus dan Akaun Simpanan tetap ialah 7 peratus, jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman dari Bank Pertanian ke taraf yang minima supaya memberi faedah yang menguntungkan kepada petani-petani di negara ini dan juga meninggikan lagi kadar faedah untuk Akaun Simpanan supaya dapat menggalakkan lagi lebih ramai orang menyimpan dengan Bank Pertanian.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian Malaysia menyediakan berbagai jenis pinjaman kepada petani-petani dan nelayan. Pinjaman yang diberi kepada petani-petani berpendapatan rendah untuk tujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat cuma dikenakan kadar faedah di antara 0% hingga 2% sahaja, sementara pinjaman yang diberi kepada peminjam-peminjam yang berkemampuan dikenakan kadar faedah komersial iaitu 1% atau 2% melebihi kos wang atau bersamaan kira-kira 13%.

Berhubung dengan simpanan pula, Bank Pertanian Malaysia membayar faedah 6.5% setahun ke atas akaun simpanan yang dikira berasaskan baki harian. Bagi simpanan tetap pula, kadar faedah yang dibayar adalah berbeza-beza mengikut jangka masa simpanan dari 8.25% bagi simpanan satu bulan hingga 9% bagi simpanan 12 bulan. Kadar faedah boleh dirunding bagi simpanan yang

melebihi 12 bulan. Dengan demikian kadar faedah simpanan yang melebihi 12 bulan yang dikenakan oleh Bank Pertanian Malaysia ke atas pinjaman adalah di antara yang terendah, sedangkan kadar faedah yang dibayar bagi akaun simpanan adalah setanding dengan lain-lain bank di Malaysia.

### KAKITANGAN BERUNIFORM— PERBELANJAAN

**13. Tuan Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan untuk membekalkan pakaian kepada kakitangan yang beruniform pada setiap tahun dan siapakah yang membekalkan uniform-uniform itu dan bagaimanakah caranya pembekalan itu dilakukan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$56.7 juta pada tahun 1983 dan \$40.3 juta pada tahun 1984 untuk membekalkan pakaian kepada kakitangan beruniform di Kementerian Pertahanan, Jabatan Polis Di Raja, Jabatan Penjara, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jabatan Imigeresen, Jabatan Bomba dan Kementerian Kesihatan.

Bagi tahun 1985 peruntukannya ialah sebanyak \$63.2 juta. Kain-kain pakaian seragam bagi kakitangan Kerajaan diperolehi atau dibekalkan melalui Kontrak Pusat. Untuk jahitan kontraknya diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan masing-masing yang dibuat secara tender atau sebutharga di mana sesuai menurut peraturan yang ditetapkan.

Bagi barang-barang lain untuk pakaian seragam seperti topi, bekalannya di perolehi secara berasingan oleh Jabatan masing-masing sama ada secara sebutharga atau tender mengikut nilai yang akan diperolehi.

### MALAYSIA/NEGARA-NEGARA ISLAM—RANCANGAN RADIO-TV

**14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah pertukaran rancangan radio dan televisyen di antara Malaysia dengan negara-negara Islam seperti Saudi Arabia, Tunisia, Mesir dan Libya seperti yang dinyatakan dahulu itu akan mula dilaksanakan. Bidang-bidang apakah yang akan dipertukarkan. Nyatakan apakah halangan-halangan yang menyebabkan lambatnya pertukaran itu dilaksanakan.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sekim penukaran rancangan-rancangan Radio dan TV dengan negara-negara Islam seperti Arab Saudi, Tunisia, Mesir dan Libya separuhnya telahpun dilaksanakan dan separuhnya lagi dalam peringkat perundingan. Bidang-bidang rancangan yang merangkumi sekim penukaran ini kebanyakannya ialah rancangan-rancangan Ujama Islam dan Filem-filem Dokumentari. Umpamanya, rakaman-rakaman Radio dan TV mengenai Musabaqah Membaca al-Quran diedarkan setiap tahun oleh RTM kepada negara-negara Islam seperti Mesir, Libya, Pakistasn, Arab Saudi, Kuwait, Abu Dhabi dan lain-lain. Rencanan-rencana penerbitan Filem Negara juga dikirimkan ke negara-negara tersebut. Dalam pada itu RTM menerima pita-pita rakaman yang lengkap mengenai bacaan Al-Quran dari Arab Saudi dan Kuwait. Beberapa

Filem Rencana juga diterima dari Arab Saudi terutama mengenai Ibadat Haji dan aspek-aspek pembangunan di negara itu. Arab Saudi telah juga menderma satu siri 30 rancangan penerbitan UPITN atau dengan izin, United Press International Television News yang bertajuk Ramadhan Fil Alam atau Ramadhan di seluruh Dunia yang telah disiarkan dalam bulan puasa beberapa lama semenjak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ke arah penukaran rancangan TV ada masalahnya. Selain dari masalah bahasa dan alih suara, masalah yang paling ketara ialah kewangan. Penerbitan rancangan-rancangan TV menelan belanja yang besar. Oleh yang demikian, negara-negara seperti Mesir lebih cenderung memasarkan rancangan-rancangannya dalam pasaran TV antarabangsa di Khan.

Semenjak beberapa tahun TV Malaysia telah menyewa filem-filem berunsur Ugama Islam dari Mesir dan disiarkan setiap hari sepanjang bulan Ramadhan. Rancangan-rancangan yang begini tidak boleh diperolehi melalui penukaran kerana jumlahnya banyak dan RTM tidak ada rancangan-rancangan sejumlah itu yang boleh atau kemungkinan untuk diedarkan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Penerangan, sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi bahawa rancangan pertukaran filem dengan Timur Tengah ini melibatkan juga perubahan alih bahasa daripada Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia. Jadi, apakah di Jabatan Penerangan ini mempunyai satu badan untuk mengalihsuarakan cerita-cerita Arab atau cerita-cerita Mesir yang disiarkan kepada penonton- penonton supaya penonton- penonton itu tidak berapa berat untuk memahami

cerita kerana kadang-kadang tak sempat kita baca subtitle gambar sudah berubah. Kadang-kadang subtitle datang kemudian, cerita lain di atas. Jadi kalau buat alih bahasa saya rasa boleh meringankan. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan-nya Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tadi saya bertanya, apakah Pejabat Penerangan mempunyai badan untuk mengalih suara dan apakah rancangan ini akan dibuat, akan diubah dengan alih suara.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, usaha ini memang menjadi sebahagian daripada rancangan-rancangan RTM tetapi dalam pada itu ada dua pemikiran terhadap aspek tersebut. Satu pemikiran ialah bahawa lebih menarik jika filem-filem asal dari Saudi Arabia umpamanya atau Arab Saudi atau dari Mesir itu dikekalkan dalam bahasa asal oleh kerana mereka yang berminat untuk mengikuti program-program seperti itu besar juga jumlahnya.

Pemikiran yang kedua ialah seperti Yang Berhormat usulkan itu agar dialih suara sebahagian daripada rancangan-rancangan tersebut. Dalam menimbang antara kedua-dua pilihan atau alternative ini RTM akan mencuba mengalih suara program-program atau filem-filem yang tarikannya begitu meluas demi kepentingan penonton dari kalangan rakyat Malaysia. Filem-filem yang tidak datang dari Timur Tengah hasilnya telahpun ditayangkan dan diharap penonton- penonton telah membuat penelitian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat ada satu soalan tadi, adakah satu badan peralihan bahasa dalam Kementerian Yang Berhormat, itu belum dijawab.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, alih bahasa telahpun dijalankan selama ini dalam jawapan pertama saya tadi, oleh yang demikian tentu sekali usaha itu datang daripada jabatan yang berkenaan.

Usaha ini telah berjalan beberapa tahun lamanya, cuma dari segi kepakaran ianya tidak mencukupi, oleh yang demikian beberapa pihak yang berkenaan yang pakar dalam mengalih bahasa dan alih suara itu sentiasa dijemput untuk mengambil bahagian. Biasanya mereka ini terdiri dari mereka yang berkebolehan dari segi menghafal dan juga menurunkan pemikiran yang tepat atas sesuatu ayat atau ungkapan.

#### **PEMBORONG BUMIPUTRA— KONTRAK CARA TURNKEY**

**15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menerangkan sama ada beliau sedar setelah Kerajaan memberi kontrak melaksanakan projek-projek Jabatan Telekom dengan cara turnkey itu telah merugikan kepentingan pemborong-pemborong bumiputera, jika sedar, apakah cara Kerajaan untuk mengatasinya.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pelaksanaan projek-projek Jabatan Telekom secara turnkey merugikan kepentingan pemborong-pemborong bumiputera. Kita tidaklah dapat menentukan semua pemborong bumiputera akan terlibat tetapi ini tidak bererti kepentingan pemborong bumiputera pada keseluruhannya telah terjejas. Yang sebenarnya Jabatan Telekom telahpun memberikan projek-projek tertentu seperti projek Rangkaian

Tempatan dan juga pembinaan bangunan-bangunan ibusawat kepada kontraktor-kontraktor bumiputera untuk dilaksanakan secara sistem turnkey.

Selain daripada itu kontraktor-kontraktor turnkey bumiputera ini juga telah disyaratkan oleh Kerajaan supaya menggunakan pemborong-pemborong bumiputera untuk melaksanakan kerja-kerja mereka. Dengan demikian saya sukalah menegaskan bahawa kepentingan pemborong-pemborong bumiputera tidaklah sama sekali terjejas oleh sistem turnkey tetapi sebaliknya ia telah memberi peluang yang lebih banyak kepada pemborong-pemborong bumiputera mendapatkan jumlah kerja yang lebih besar daripada kontraktor-lontraktor turnkey utama.

#### **PEKERJA KILANG YANG DIBERHENTIKAN**

**16. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Buruh menyatakan apakah sebabnya kemerosotan ekonomi dan sehingga sekarang, berapa jumlah pekerja-pekerja kilang telah diberhentikan pekerjaan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menampung pekerja-pekerja tersebut.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, seperti juga negara-negara lain, Malaysia tidak ketinggalan dari mengalami kesan-kesan daripada kemerosotan ekonomi dunia. Ekonomi negara kita adalah ekonomi terbuka, sebahagian besar pendapatan negara adalah bergantung kepada pendapatan eksport. Oleh itu kedudukan ekonomi kita banyak bergantung kepada suasana dan

perkembangan ekonomi negara-negara perindustrian yang merupakan pasaran terbesar barang-barang eksport Malaysia.

Kemerosotan ekonomi itu telah pula memberi kesan terhadap pekerja-pekerja. Seramai 11,802 orang pekerja kilang telah diberhentikan kerja sejak tiga tahun yang lalu iaitu 2,797 orang pada tahun 1982, 5,244 orang pada tahun 1983 dan 3,761 orang pada tahun 1984 yang lalu.

Pekerja-pekerja yang terlibat layak untuk mendapat sebarang faedah penamatan kerja di bawah peraturan-peraturan kerja, faedah-faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara 1980. Bayaran ini akan membantu atau menampung pekerja-pekerja itu di dalam tempoh mencari kerja yang lain.

Saya ingin menyeru kepada pekerja-pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja supaya mendaftarkan diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Saya juga mengambil peluang ini untuk menggesa pekerja-pekerja kita supaya tidak bersikap terlalu memilih kerja memandangkan masih terdapat sektor ekonomi yang tertentu khususnya ladang-ladang dan perusahaan pembinaan yang memerlukan pekerja-pekerja.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah berkesannya Jabatan Tenaga Rakyat untuk menempatkan semula pekerja-pekerja yang kehilangan kerja itu, adakah angka-angka ataupun peratusan yang menunjukkan di kalangan yang telah berdaftar itu, berapakah yang telah ditempatkan dalam tempoh setahun atau dua tahun itu.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai daripada Pejabat Pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat telah memainkan peranannya membantu pekerja-pekerja atau pencari-pencari pekerjaan yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan cara memberi nasihat kepada mereka dan menghubungi majikan-majikan yang memerlukan tenaga kerja yang sesuai dengan pencari-pencari pekerjaan yang berdaftar.

Pada masa ini bolehlah dianggap bahawa usaha-usaha Jabatan Tenaga Rakyat itu banyak membantu pencari-pencari pekerjaan itu untuk memperolehi pekerjaan yang sesuai untuk mereka. Angka-angka memang ada dikeluarkan pada tiap-tiap bulan oleh Jabatan Tenaga Rakyat melalui risalah beritanya yang boleh didapati oleh orang ramai secara percuma. Pada masa ini saya tidak dapat angka-angka itu dengan tepatnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

*(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir).*

## YURAN PELAJAR DINAikkan DI AUSTRALIA

**19. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Australia Encik Bill Hayden mengenai Kerajaan Australia:

(a) bagi menaikkan yuran pelajar-pelajar Malaysia di Australia; dan

(b) bagi mengurangkan bilangan pelajar-palajar Malaysia ke Australia.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran dan dasar menghadkan pengambilan pelajar dari luar negeri itu bukanlah merupakan satu perkara baru. Kerajaan kita sudahpun mengadakan perbincangan pada peringkat Ketua Kerajaan dengan Australia mengenai perkara ini dan perbincangan itu adalah dengan tujuan mendesak mereka menimbangakan semula perkara itu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah Kerajaan Malaysia mengambil satu sikap yang pasif terhadap keputusan Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran untuk pelajar-pelajar kita, sedangkan apabila Kerajaan British mengambil keputusan untuk menaikkan yuran Kerajaan Malaysia mengambil satu tindakan yang tegas sehingga meminta rakyat supaya memulaukan barangan buatan British?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, sejarah perhubungan antara Malaysia dengan British dan Malaysia dengan Australia langsung tidak bersama dan walaupun Kerajaan kita tidak begitu senang hati di atas kenaikan yuran kepada penuntut Malaysia di Australia, tetapi kita mestilah mengakui hak Kerajaan Australia untuk menaikkan atau mengurangkan yuran-yuran penuntut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Micheal Chen Wing Sum.

(Soalan No. 20 Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum tidak hadir).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 21 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

## GURU MELETAKKAN JAWATAN

**22. Tuan Haji Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru yang meletakkan jawatan sejak lima tahun lepas kerana:

- (i) berkhidmat dengan swasta;
- (ii) bekerja sendiri;
- (iii) menyandang jawatan lain dalam Kerajaan; dan apakah sikap beliau mengenai perkara ini.

**Dato' Dr Ling Leong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod di Kementerian ini, sejak lima tahun yang lepas seramai 215 orang guru pegawai perkhidmatan pelajaran telah meletakkan jawatan untuk berkhidmat dengan pihak swasta. Seramai 144 orang pula meletakkan jawatan untuk bekerja sendiri. Dalam tempoh yang sama juga tidak ada guru yang meletakkan jawatan untuk menyandang jawatan lain dalam Kerajaan.

Kerajaan membenarkan guru-guru meletakkan jawatan dengan syarat-syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun jumlah guru yang meletakkan jawatan itu adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah guru yang sedang berkhidmat.

## PEKEBUN KECIL— BANTUAN MARDEC

**23. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha Kementerian Perusahaan Utama bagi menentukan:

- (a) keuntungan lebih kepada pekebun kecil yang mana hasil

bahan perusahaan kilang MARDEC selain daripada hasil jualan getah; dan

- (b) berapakah jumlah kilang MARDEC telah dibina dan berapa peruntukan telah diberi dalam RME dan bagaimana prestasinya dalam tahun 1983/1984.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) mengikut tafsiran Kementerian, apa yang dikehendaki soalan ini adalah berkaitan dengan usaha-usaha untuk memberi keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil getah dari segi aktiviti-aktiviti MARDEC selain dari aktiviti pembelian getah.

Dalam hubungan ini, sukacita saya maklumkan bahawa matlamat utama penubuhan MARDEC ialah untuk membeli getah pekebun-pekebun kecil dan memasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Dengan ini, getah pekebun-pekebun kecil telah diproses dalam bentuk getah yang bermutu tinggi seperti Getah Mutu Malaysia dalam usaha Kerajaan untuk meninggikan mutu getah pekebun kecil dan juga untuk menambahkan pendapatan mereka.

Selain daripada itu, MARDEC juga ditubuhkan bertujuan memberi ruang pasaran "alternative" kepada pekebun-pekebun kecil supaya pasaran getah mereka adalah terjamin walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia di mana keadaan permintaan adalah lembab.

Dalam hubungan ini, walaupun faktor-faktor sosial diambil kira dalam operasi MARDEC, tetapi operasi MARDEC adalah dijalankan secara komersial untuk menentukan MARDEC adalah berdaya maju dan boleh bersaing dengan sektor swasta bagi memberi perkhidmatan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil dengan harga yang kompetitif. Dengan itu

usaha-usaha MARDEC pada masa ini adalah lebih baik ditumpukan kepada usaha-usaha untuk memperluaskan aktiviti membeli dan menjual getah pekebun-pekebun kecil

Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi kedudukan MARDEC dan juga bagi menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan getah Malaysia yang bertujuan untuk menambahkan penggunaan getah tempatan, MARDEC adalah dianggap sebagai penggerak dalam usaha menubuhkan syarikat-syarikat usahasama di Malaysia.

Dalam hubungan ini, MARDEC telah pun memilih syarikat-syarikat antarabangsa sebagai rakan kongsi dalam usahasanya memandangkan MARDEC mempunyai hubungan yang baik dengan pihak-pihak pengguna di mana MARDEC mengeksport getah.

Dengan usahasama MARDEC dalam syarikat-syarikat tersebut ianya telah memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil bukan sahaja dari segi harga getah yang lebih baik tetapi juga dari segi keuntungan syarikat-syarikat usahasama tersebut yang telah membantu mengukuhkan prestasi kilang MARDEC.

Syarikat-syarikat usahasama yang melibatkan diri dalam pembuatan barang-barang getah telah pun menyediakan ruang pasaran kepada pekebun kecil di pasaran tempatan.

Satu lagi langkah yang masih dalam pertimbangan yang akan diambil oleh MARDEC untuk faedah pekebun kecil ialah untuk menjemput penglibatan mereka dalam operasi MARDEC dalam bentuk ekuiti apabila operasi MARDEC adalah lebih menjadi berdaya maju.

Sekiranya ini berlaku, sudah tentu pekebun kecil akan mendapat faedah secara langsung bukan sahaja dapat menentukan harga yang baik dan ruang pasaran alternatif, tetapi juga apa-apa keuntungan yang dinikmati oleh MARDEC adalah juga merupakan keuntungan pemegang saham yang mana termasuk pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai (b) jumlah kilang MARDEC yang beroperasi sejak ditubuhkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, panjangkah (b) itu?

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Ada dalam 10 baris.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** .....ialah sebanyak 15 buah. MARDEC tidak bercadang untuk mendirikan lagi kilang-kilang baru tetapi akan menambah kapasiti kilang-kilang yang sedia ada.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, MARDEC telah diperuntukkan sebanyak \$19.7 juta bertujuan untuk memperbaiki dan mengubahsuaikan kilang dan infrastruktur serta mempertingkatkan prestasi kakitangan MARDEC.

Mengenai prestasi MARDEC bagi 1 tahun 1983/84 sukalah dimaklumkan dengan pengurusan yang lebih baik dan operasi kilang-kilang MARDEC yang lebih cekap dan berjaya menguruskan kos, prestasinya adalah cemerlang di mana pengeluaran MARDEC telah sampai kepada tahap 148,000 tan iaitu tahap pengeluaran yang paling tinggi dan mencatatkan keuntungan yang paling besar semenjak ianya ditubuhkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 17, 18, 20, 21 dan 24 hingga 37 adalah diberi di bawah ini.)*

## IMBANGAN PEMBAYARAN

**8. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara untuk merendahkan dagangan tidak ketara negara kita kerana rupanya tindakan-tindakan ini tidak berkesan memandangkan dagangan tidak ketara ini masih merosot tahun demi tahun.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Kerajaan telah menagambil beberapa langkah jangka pendek dan panjang untuk mengukuhkan imbalan pembayaran, terutamanya akaun tak ketara. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah:

- (a) mengawal pinjaman luar negeri terutamanya pinjaman oleh sektor awam untuk mengawal jumlah bayaran faedah;
- (b) mengadakan galakan cukai untuk memperkembangkan industri perkapalan pemastautin Malaysia untuk mengurangkan aliran kadar pertukaran wang asing bagi tambang pengangkutan kargo;
- (c) menggalakkan lebih ramai pelancung ke Malaysia untuk meningkatkan perolehan pertukaran wang asing dari pelancungan. Tindakan-tindakan ini termasuklah penghapusan duti atas beberapa jenis barang yang biasanya dibeli oleh para pelancung, seperti minyak wangi, kamera, projektor dan transistor dan juga pemberian galakan cukai kepada industri perhotelan;
- (d) menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji dan menyelaras tindakan-tindakan di

peringkat Kementerian dan menggubal dasar-dasar yang perlu untuk mengukuhkan perdagangan tak ketara.

Saya ingin menekankan di sini bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki akaun tak ketara imbalan pembayaran mengambil masa yang panjang sebelum menghasilkan sesuatu kesan yang positif. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan akan terus mengkaji kesan tindakan-tindakan yang telah diambil dan akan giat berusaha untuk mengurangkan kurangan dalam akaun tak ketara imbalan pembayaran dengan seberapa segera yang boleh.

### GURU-GURU UTS

**17. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Guru-guru UTS di Sabah yang dikurangkan gaji mereka, sebab-sebab ini dilakukan dan sama ada benar perbuatan tersebut menunjukkan hasrat Kerajaan untuk memaksa mereka meletakkan jawatan.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Guru-guru UTS yang terlibat dengan masalah tersebut adalah seramai 52 orang. Sebenarnya masalah yang timbul hanya berkaitan dengan penyerapan mereka ke jawatan tetap dan "conversion" gaji mereka ke tanggagaji baru. Masalah ini akan diselesaikan secara tindakan pentadbiran.

### KONSEP INSTITUSI MASYARAKAT

**18. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah tegas telah diambil untuk melaksanakan konsep "Institusi masyarakat" di kalangan sekolah rendah dan menengah; sila

nyatakan juga sejauh manakah pelaksanaan konsep ini akan mengubah corak dan sistem persekolahan yang ada sekarang di negara kita.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan surat siaran ke sekolah-sekolah untuk menubuhkan "Jawatankuasa Sekolah sebagai Institusi Masyarakat". Ia akan disusuli dengan satu garis panduan yang sedang disiapkan. Di samping itu usaha juga telah, sedang dan akan dibuat untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada guru-guru dan orang ramai mengenai pelaksanaan konsep ini.

Dengan terlaksananya konsep ini, sistem persekolahan tidak akan berubah. Kuasa pentadbiran sekolah masih tetap di tangan Guru Besar yang menjalankan pentadbiran mengikut peraturan-peraturan yang ada. Pelaksanaan konsep ini melibatkan kerjasama masyarakat dan sekolah melalui aktiviti-aktiviti untuk memajukan sekolah dan masyarakat itu sendiri.

### PERDAGANGAN DENGAN CHINA—LAWATAN

**20. Dato' Michael Cheng Wing Sum** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan bagi saudagar-saudgar kita yang mempunyai perdagangan dengan China untuk melawat ke Negeri China dengan lebih bebas memandangkan faktor bahawa Kerajaan kita memberi pertimbangan atas perdagangan terus dengan kedua-dua negeri.

**Dato' Musa Hitam:** Soalan Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab oleh Y.B. Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada 26-3-1985. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan kepada soalan tersebut.

## MAS KEPADA PERJALANAN ANTARABANGSA

**21. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengkhususkan khidmat MAS kepada laluan Antarabangsa sahaja dan laluan dalam negeri diberikan kepada syarikat penerbangan swasta selaras dengan Dasar Penswastan Negara.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Pada masa ini Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) adalah Syarikat Penerbangan Kebangsaan yang telah ditanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan pada jalan-jalan antarabangsa dan juga jalan-jalan dalam negeri. Buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menghadkan perkhidmatan MAS kepada perjalanan-perjalanan antarabangsa saja.

Sungguhpun demikian, saya ingin memaklumkan bahawa walaupun MAS merupakan syarikat penerbangan kebangsaan yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan berjadual dalam negeri, Kerajaan telah juga membenarkan beberapa Syarikat-syarikat Penerbangan Tempatan, yang dipunyai oleh pihak swasta, untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan udara tidak berjadual pada jalan-jalan tertentu dalam negeri dan juga bagi jenis-jenis perkhidmatan yang khusus. Syarikat-syarikat Penerbangan Tempatan ini juga telah dibenar mengadakan perkhidmatan kepada pusat-pusat pelancongan dalam negeri untuk tujuan menggalakkan lagi industri pelancongan negara.

Berhubung dengan dasar pengswastan yang digalakkan oleh Kerajaan, sukalah saya memaklumkan bahawa bagi mencapai objektif ini pihak Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk pengswastan MAS.

Tindakan-tindakan sedang pun diambil bagi melaksanakan keputusan ini.

## AKTA KESALAHAN PILIHANRAYA—MENGETATKAN

**24. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengetatkan lagi Akta Kesalahan Pilihanraya bagi menjamin agar para pengundi tidak diugut oleh setengah-setengah parti politik sewaktu mengundi.

**Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob:** Soal mengetatkan lagi Akta Kesalahan Pilihanraya bagi menjamin agar para pengundi tidak diugut oleh setengah parti politik sewaktu mengundi tidak timbul kerana berbagai kesalahan pilihanraya termasuk perbuatan yang dinyatakan oleh Y.B. itu telahpun ada di dalam Akta yang berkenaan. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Y.B. itu, soal menghalang pengundi-pengundi, jika ianya benar berlaku bukan sahaja satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya tetapi ia juga suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah yang ada di negeri ini jika menghalangan itu dilakukan dengan cara ugutan.

## PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA—PRESTASI

**25. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan negara kita dalam perdagangan dan pelaburan bagi mencapai kedudukan ekonomi negara yang lebih kukuh dalam menempuh kemelesetan ekonomi sekarang ini. Apakah perancangan dalam perdagangan dan pelaburan di negara kita dalam masa lima tahun akan datang ini, bagi mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang lebih baik.

**Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh**

**Hamzah:** Jika dilihat daripada angka-angka perdagangan luar Malaysia dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan ini didapati bahawa prestasi perdagangan luar negara telah mengalami peningkatan yang menggalakkan. Jumlah perdagangan luar negara telah meningkat dari M\$51,622.6 juta pada tahun 1980 kepada M\$71,666.8 juta pada tahun 1984, iaitu peningkatan sebanyak 27.97%. Eksport negara yang telah mencatatkan peningkatan yang berterusan sebanyak 27.14% iaitu dari M\$28,171.6 juta (1980) kepada M\$38,667.5 juta pada tahun 1984.

Imbangan perdagangan Malaysia juga menguntungkan pada setiap tahun kecuali pada tahun 1982 di mana negara kita telah mengalami kurangan perdagangan sebanyak \$914.8 juta. Bagi tahun-tahun 1980, 1981, 1983 dan 1984 Malaysia telah memperolehi lebih perdagangan yang masing-masing berjumlah M\$4,720.6 juta, M\$505.6 juta, M\$2,032.2 juta dan M\$5,668.2 juta. Prestasi perdagangan luar Malaysia adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan eksport ke atas bahan-bahan utama seperti petroleum, minyak kelapa sawit, gas Cecair Asli (LNG) dan barang-barang perkilangan siap dan separuh siap. Ini adalah satu kemajuan yang membanggakan kerana kita telah berjaya meningkatkan perdagangan luar walaupun keadaan ekonomi dunia sedang mengalami kemelesetan.

Sektor pengilangan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dan merupakan sektor yang terulung dari segi membawa pertumbuhan serta mewujudkan peluang pekerjaan semenjak tahun tujuh puluhan. Pertumbuhan dalam sektor pengilangan tersebut adalah memuaskan dan suasana pelaburan yang ujud dalam tempoh tersebut telah menimbulkan pembesaran asas pengilangan. Walau

bagaimanapun, kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan dan pertumbuhan permintaan luar negeri yang lembab telah memberi kesan yang buruk kepada perkembangan sektor pengilangan dalam tempoh 1981-1983. Walaupun matlamat yang ditetapkan bagi pertumbuhan sektor pengilangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) adalah sebanyak 11.0 peratus setahun, kadar pertumbuhan yang telah dicapai dalam tempoh 1981-83 adalah hanya 4.9 peratus setahun. Nilai eksport barang-barang pengilangan meningkat sebanyak 17.1 peratus setahun dalam tempoh tiga tahun pertama RME berbanding dengan matlamat sebanyak 24.1 peratus setahun untuk tempoh RME. Kadar pertumbuhan sektor pengilangan yang lembab telah menyebabkan gunatena dalam sektor ini meningkat dengan sederhana sebanyak 2.2 peratus setahun dibandingkan dengan 5.9 peratus yang telah dijangka untuk tempoh RME.

Bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh untuk lima tahun yang akan datang timbul keperluan segera untuk menilai dan menimbang prospek-prospek masa hadapan sektor pengilangan sebagai sektor yang terulung untuk pertumbuhan ekonomi. Antara langkah-langkah utama yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah penyediaan satu Pelan Induk Perindustrian yang bertujuan merangka dengan terperinci kegiatan sektor dan sektor kecil yang akan menghasilkan penggunaan sumber secara optimum untuk mencapai berbagai matlamat pembangunan negara. Pelan Induk Perindustrian tersebut, yang dijangka siap dalam bulan Jun 1985, akan juga menyediakan profil industri yang sesuai serta merangka keperluan teknologi sektor ini. Penyediaan Pelan ini adalah disokong dengan satu kajian terperinci untuk mengkaji semula dasar dan strategi perindustrian. Dengan

penyiapan kajian-kajian tersebut adalah diharap bahawa dalam masa lima tahun dan lebih yang akan datang prestasi sektor pengilangan akan bertambah baik dan dengan ini sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi akan meningkat.

### MARDI—KAJIAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

**26. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kajian-kajian (research) yang telah dibuat oleh Bahagian Kajiteknik Makanan MARDI ke atas buah-buahan tempatan untuk dimajukan sehingga kini dan apakah buah-buahan itu?
- (b) berapakah jumlah pengusaha-pengusaha Bumiputera yang telah mendapat faedah hasil dari kajian MARDI ini dan dalam bentuk apa?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sehingga ini MARDI telah menjalankan sejumlah 93 kajian untuk memajukan buah-buahan tempatan. Kajian ini meliputi dua bidang penting iaitu:

- (i) Pengendalian dan pengangkutan buah-buahan segar; dan
- (ii) Pemprosesan dan penghasilan bahan makanan dari buah-buahan.

Dari segi pengendalian dan pengangkutan buah-buahan segar, 37 kajian telah dan sedang dijalankan ke atas 12 jenis buah-buahan tempatan. Sementara dalam bidang pemprosesan bahan makanan pula sejumlah 56 kaedah pemprosesan telah dapat dihasilkan meliputi 25 jenis buah-buahan.

Pengusaha-pengusaha Bumiputera yang telah mendapat faedah dari kajian ini berjumlah 5,584 orang

(hingga Disember 1984). Faedah-faedah yang diperolehi adalah dalam bentuk khidmat keseluruhan bagi membangunkan industri makanan, teknik pemprosesan hinggalah pemasaran. Di samping itu pengusaha-pengusaha juga diberi khidmat bimbingan dan pengembangan intensif, khidmat nasihat melalui surat dan juga penyertaan di kursus-kursus latihan berjadual.

### PENDUKUN VIETNAM DI KAMPUCHEA

**27. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara yang dibincangkan dengan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu sempena dengan lawatannya ke Malaysia dan negara-negara ASEAN serta Kampuchea baru-baru ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb Mac 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

### PERSATUAN BAHASA CINA/TAMIL DI SEKOLAH—PENUTUPAN

**28. Dr Kok Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru besar-guru besar dari beberapa buah sekolah telah mengambil tindakan untuk menutup persatuan-persatuan bahasa Tionghua dan Tamil dalam sekolah-sekolah tersebut dan tindakan-tindakan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas di kalangan murid dan masyarakat, mengakibatkan polarisasi kaum bertambah meningkat dan

bukan memajukan integrasi dan paduan. Beberapa kes telah diketahui setakat ini; apakah langkah-langkah yang telah beliau ambil untuk memastikan bahawa kejadian-kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi; apakah langkah-langkah positive yang lain yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dalam sekolah.

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran sehingga kini tiada menerima sebarang maklumat mengenai tindakan guru besar menutup Persatuan Bahasa Cina dan Tamil di sekolahnya.

#### PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA—PENDIRIAN MALAYSIA

**29. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap Kampuchea atas usaha terus menerus Vietnam untuk mencapai satu penyelesaian militari di Kampuchea, walhal hakikatnya negara-negara ASEAN antara banyak negara-negara lain sememangnya cenderung kepada satu penyelesaian politik untuk kedua-dua puak yang bertarung di Kampuchea dan sama ada kami bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain seharusnya mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pertarungan di Kampuchea tidak akan melepiah ke dalam negara-negara ASEAN.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb March, 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

#### LIMAU MANDARIN—PERMIT IMPORT

**30. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerianya mengeluarkan permit import (AP) kepada Syarikat SATRIA Utara dan PERNAS untuk mengimport sejumlah empat ratus lima puluh ribu (450,000) peti buah limau mandarin dari Republik Rakyat China. Padahal terdapat 33 pengimport tradisional yang sekian lama ini telah mengimport limau mandarin dari Republik Rakyat China; dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan peristiwa seumpama ini tidak akan berlaku di masa akan datang dan bahawa pengimport-pengimport tradisional akan terus diberi peluang untuk mengimport limau-limau mandarin dari Republik Rakyat China.

**Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Uru Nerus pada 27-3-85. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

#### PADI IR-42 KEPADA PETANI- PETANI

**31. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa padi IR-42 disebarkan kepada petani-petani. Apakah masalah-masalah yang timbul. Apakah jumlah kerugian yang telah ditampung oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Bagaimanakah masalah seperti ini dapat dielakkan.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Padi IR-42 telah disyorkan penanamannya dalam tahun 1982 di kawasan MADA yang menghadapi masalah virus penyakit merah (PMV) sebagai tindakan sementara bagi memerangi wabak penyakit ini. PMV telah merebak ke utara Malaysia dengan begitu cepat dan dalam tahun 1982, 5,000 ha padi di MADA telah mendapat kerosakan. Adalah dibimbangkan jika wabak ini tidak dikawal, lebih luas kawasan lagi akan termusnah. Sebagai salah satu strategi mengawal penyakit ini ialah penggunaan jenis yang rintang kepadanya. IR-42 mempunyai sifat ini.

Selain dari sifat kerintangan tersebut, IR-42 juga menunjukkan beberapa ciri-ciri yang baik terutama sekali di segi hasil di mana ianya didapati tinggi dan stabil. Sifat ini telah membuat jenis ini popular di kalangan petani dan penanamannya merebak dengan cepat sehingga, di musim utama 1984 kawasan seluas 38,000 ha diusahakan dengan padi jenis ini.

Jenis ini telah tidak diisytiharkan secara rasmi oleh kerana ia mempunyai beberapa sifat yang kurang baik terutama sekali kehancuran beras yang tinggi bila di kilang iaitu sebanyak 27% berbanding dengan padi jenis lain iaitu 18% sahaja, dan mutu nasi yang kurang baik. Oleh kerana ketinggian kehancuran ini LPN di beberapa kompleksnya telah membuat potongan harga padi. Adalah dianggarkan LPN akan mengalami kekurangan hasil pendapatan sebanyak \$6.16 bagi setiap 100 kg. padi IR-42 yang dikisar berbanding dengan padi jenis lain. Jumlah kekurangan hasil akibat pembelian padi jenis ini belum dapat ditentukan lagi kerana belian musim pertama 1985 akan berakhir pada penghujung bulan Mac ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan jumlah belian LPN sebanyak

85,000 tan metrik padi jenis IR-42 sehingga 15 Mac 1985 jumlah kekurangan pendapatan yang dialami oleh LPN adalah sebanyak \$5.235 juta.

Bagi mengelakkan dari mengalami kerugian ini secara berterusan, petani-petani dinasihatkan supaya tidak lagi menanam padi dari jenis ini.

### NISBAH GURU DAN MURID DI SEKOLAH

**32. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan nisbah guru: kelas di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara ini; purata bilangan murid di dalam setiap kelas; dan perbandingan nisbah guru: kelas di antara bandar dengan luar bandar menjelang bulan Februari 1985. Apakah nisbah yang dianggapkan sesuai untuk kepentingan murid-murid.

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran masih dalam proses mengumpulkan data-data guru dan murid bagi awal tahun 1985. Walau bagaimanapun, berdasarkan data-data bagi tahun 1984 nisbah kelas:guru di seluruh Malaysia bagi sekolah rendah ialah 1:1.31 dan di sekolah menengah pula ialah 1:1.65.

Purata bilangan murid bagi tiap-tiap kelas sekolah rendah ialah 33.58 dan sekolah menengah pula ialah 36.82. Sebagai perbandingan, nisbah kelas: guru bagi sekolah menengah di Semenanjung Malaysia di luar bandar ialah 1:1.66 dan di bandar ialah 1:1.71. Di sekolah rendah pula nisbah kelas: guru di luar bandar ialah 1:31 dan di bandar 1:45.

Nisbah kelas guru yang dianggap sesuai ialah 1:1.8 bagi sekolah rendah dan menengah. Purata murid yang dianggap sesuai bagi tiap-tiap darjah di Sekolah Menengah atau Rendah ialah 35 orang.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) DI LADANG WELLESLEY

33. **Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Wellesley, Lunas, Kedah yang mempunyai 155 orang murid itu tidak mempunyai bilik darjah dan pengajian dijalankan di sebuah kuil, jika sedar, apa tindakan akan diambil.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Wellesley, Lunas, Kedah adalah sebuah Sekolah Jenis Bantuan Modal. Lembaga Pengurus Sekolah ini adalah perlu lebih dahulu mendapatkan tapak yang sesuai untuk bangunan sekolah itu sebelum Kementerian Pelajaran boleh menjalankan projek pembinaannya. Kementerian Pelajaran memanglah bersimpati dengan keadaan tempat belajar murid-murid berkenaan. Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak dapat mengambil tindakan untuk melaksanakan projek itu kerana tapak yang sesuai belum diperolehi lagi.

### LAPORAN SKANDAL BMF

34. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah pun menerima laporan terakhir Jawatankuasa Penyiasatan 3 orang ke dalam skandal BMF diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin dan apakah tindakan yang akan diambil untuk membawa pesalah-pesalah yang terlibat ke muka pengadilan.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Pada masa ini saya belum lagi menerima laporan akhir Jawatankuasa Penyiasat berhubung dengan Bumiputera Malaysia Finance Ltd. (Hong Kong) itu.

### PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA—USAHA BERSAMA OLEH NEGARA-NEGARA ASEAN

35. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan kita terhadap tentera Vietnam ke Kampuchea dan sempadan Thai baru-baru ini; dan
- (b) apakah hasilnya akibat usaha bersama oleh negara-negara ASEAN terhadap soal ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb Mac 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

### SIASATAN PINJAMAN BMF DI HONG KONG

36. **Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Peguam Negara telah selesai mengkaji laporan siasatan yang dibuat oleh pihak Polis ke dalam laporan pertama yang dibuat oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad pada 27 Disember 1984 yang melibatkan pinjaman sebanyak AS\$40 juta (M\$90 juta) dan laporan kedua yang melibatkan bayaran perundingan serta laporan ketiga yang dibuat pada 12 Disember 1984 yang melibatkan AS\$7.5 juta (M\$19 juta) yang mana ke semua ketiga-tiga laporan tersebut adalah berhubung dengan skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh beliau dalam perkara tersebut; jika tidak mengapa.

*(Dijawab oleh Y.B. Dato' Khalil Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri).*

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kertas Siasatan Polis berhubung dengan penyiasatan pinjaman sebanyak AS\$40 juta (M\$90 juta) telah dikemukakan kepada Peguam Negara untuk kajian dan keputusan beliau. Setelah mengkaji Kertas Siasatan itu Peguam Negara dapati beberapa butir perlu dijelaskan. Oleh itu beliau telah mengarahkan pihak Polis untuk menjalankan penyiasatan lanjut dengan tujuan mendapatkan kenyataan yang lengkap serta penjelasan terhadap butir-butir yang dimaksudkan itu yang mana amat penting bagi membolehkan Peguam Negara membuat keputusan. Setakat ini pihak Polis belum lagi selesai menjalankan penyiasatan lanjut sepertimana yang dikehendaki oleh Peguam Negara itu.

Penyiasatan terhadap pinjaman sebanyak AS\$7.5 juta (M\$19 juta) dan bayaran perundingan belum lagi selesai.

Pihak Polis akan mengemukakan semula Kertas-kertas Siasatan yang berkenaan sebaik sahaja penyiasatan mereka selesai untuk kajian dan keputusan Peguam Negara.

#### HARTA DAN ASET RAKYAT MALAYSIA

**37. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang mempunyai harta dan aset yang bernilai lebih:

- (i) \$1 juta;
- (ii) \$10 juta;
- (iii) \$100 juta;
- (iv) \$200 juta;
- (v) \$300 juta;
- (vi) \$400 juta;

dengan memberikan angka-angka mengikut pecahan kaum bagi setiap set angka tersebut dan juga nyatakan nilai aset dan harta orang yang terkaya sekali di Malaysia.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian saya tidak menyimpan rekod sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Y.B. dari Kota Melaka itu.

#### USUL

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.”  
(27hb Mac, 1985)

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli Yang Behaormat dari Kepong, sila teruskan ucapan.

3.38 ptg.

**Dr tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebut semalam ini adalah kali yang pertama dalam beberapa tahun kebelakangan ini orang Asli disebutkan di dalam Titah Ucapan Di Raja apabila duli Yang Maha Mulia

membangkitkan keperluan untuk mengambil perhatian khusus bagi memperbaiki taraf kehidupan kumpulan yang kurang bernasib baik termasuk para nelayan, petani, pekerja ladang, penduduk miskin di kampung-kampung baru dan kawasan setinggan.

Saya berharap semua pihak terutamanya Kerajaan akan mengambil lebih perhatian istimewa mengenai orang Asli di negara ini. Duli Yang Maha Mulia telah menunjukkan simpati ke atas orang Asli di negeri Johor sebagai satu tauladan untuk mengambil berat dengan kebajikan orang ramai tanpa mengira bangsa. Orang Asli masih hidup dalam keadaan yang mundur walaupun Kerajaan di negeri-negeri yang berkenaan telah membuat saranan untuk membantu Orang Asli akan tetapi langkah yang telah diambil adalah tidak memadai dari segi pelajaran, tempat penempatan yang tetap dan geran-geran tanah untuk kesejahteraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita merayakan Jubilee 25 Tahun Parlimen ini, satu penghargaan seharusnya diadakan kepada orang-orang yang berjasa, kakitangan di dalam Parlimen ini terutamanya kakitangan yang berjasa 25 tahun sebagai satu langkah yang bijak untuk memelihara Parlimen sebagai badan yang teragung. Saya menyeru supaya semua Ahli Parlimen terutamanya Perdana Menteri mengubah sikap bergurau senda kepada sikap yang lebih serius terhadap Parlimen kerana Parlimen adalah satu badan yang teragung. Perubahan sikap ini adalah peri mustahak bersempena dengan perayaan ulang tahun ke 25 Parlimen Malaysia supaya Parlimen.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bergurau senda yang macam mana itu Yang Berhormat, keluar masuk keluar masukkah?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bergurau senda dengan tidak menjawab soalan dengan mengeneipkan hasrat dan suara rakyat yang diwakili oleh DAP yang dapat undi jumlah pemilih di Malaysia 21%.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ahli dari Ulu Muda minta penjelasan. Sudahpun beri jalan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Adakah selama ini soalan-soalan DAP tidak pernah dijawab oleh Menteri-menteri kita. Itu soalan saya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sesuatu soalan itu memang hendaklah dipertimbangkan bila kita membangkitkan soalan seperti ini, kerana baru sekejap sahaja tadi kita semua nampak soalan yang ke 10 mengenai pendatang-pendatang haram Indonesia itu, soalan yang pokok tidak dijawab sama sekali.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Malu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Cuma penyimpangan-penyimpangan yang tidak dapat menyelesaikan masalah yang begitu serius yang dihadapi oleh negara ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb Mac tahun ini selepas waktu Pertanyaan bagi Jawab Mulut di dalam dewan yang mulia ini, bermulalah Urusan Mesyuarat dan Usul-usul. Usul yang pertama ialah Menteri Dalam Negeri akan mencadangkan bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara supaya menjaga keselamatan semua bangunan jalan dan tempat dalam perkarangan Parlimen selama penggal Dewan Rakyat yang sedang berlangsung sekarang. Malangnya Menteri dan Timbalan Menteri tidak hadir dalam Dewan yang Mulia ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Cuai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ahli dari Bandar Kuching, sila duduk Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dari Bandar Kuching, adakah Yang Berhormat mahu supaya saya keluarkan Yang Berhormat daripada Dewan ini?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua keluarkan saya. Dan saya tidak mahu dikeluarkan, tetapi juga ada apa-apa perkara yang tertentulah patut disuarakan. Saya fikir dan berpendapat bahawa tanggungjawab saya kepada rakyat, bukan kepada Dewan yang Mulia ini sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa sahaja Yang Berhormat hendak menyuarakan, boleh disuarakan mengikut peraturan perjalanan mesyuarat dan bukan secara kita di pasar, Yang Berhormat. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, malangnya Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak hadir ketika usul tersebut dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan satu sikap acuh tak acuh (*Tepuk*) para Menteri mengenai Parlimen sehingga setiap.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta jalan?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat dari Kepong, adakah beliau sedar bahawa sesuatu usul yang dibentangkan di dalam Parlimen bolehlah disampaikan oleh Menteri-menteri di dalam Kabinet dan tidak perlu Menteri berkenaan dan barangkali jikalau Menteri berkenaan atau Timbalan Menteri berkenaan tidak ada disebabkan ada urusan lain, Menteri-menteri lain boleh mengusulkan usul itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya hendak menerangkan di sini, saya bukan seorang Menteri ataupun seorang Timbalan Perdana Menteri dan dengan itu saya tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh Timbalan Menteri tadi. Walau bagaimanapun, saya hendak menunjukkan di sini walaupun ada tanggungjawab collective yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan tetapi sikap acuh tak acuh ini timbul sehingga setiap ahli pada ketika itu tercengang merenung-renung antara satu sama lain hingga dalam keadaan dilemma itu Menteri Kebajikan Masyarakat terpaksa bangun untuk membangkitkan soalan tersebut secara spontan.

Tuan Yang di-Pertua, sikap acuh tak acuh ini adalah satu penyakit yang serius ketika Parlimen berusia 25 tahun ini. Saya boleh memberi banyak contoh lagi yang menunjukkan pihak Kerajaan tidak memandang berat pada Parlimen walaupun mereka sentiasa menyarankan bahawa Parlimen adalah teragung terutamanya Perdana Menteri kita dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi pun tidak membaca Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Itulah menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menggulung perbahasan ke atas usul-usul Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh mengenai soalan prinsip seorang satu undi, beliau mengatakan umpamanya jika saya tidak salah di Amerika Syarikat tiap-tiap State dalam Amerika Syarikat ini diberi dua orang Senator. Saya percaya New Jersey mempunyai cuma tiga juta penduduk, Carlifornia mempunyai 22 juta penduduk, tetapi Carlifornia pun dapat dua, New Jersey

pun dapat dua. Jadi, bilang, tengoklah berapa kali ganda antara dua States ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak serius mengenai Parlimen, kerana perbandingan Senate di Amerika Syarikat dengan Dewan Rakyat di negara kita adalah amat wajar. Senate di Amerika Syarikat memang, di New Jersey ataupun di semua States masing-masing mempunyai dua Senator, tidak kira bilangan penduduk dan Senator-senator ini dipilih secara berundi, dipilih oleh pengundi-pengundi, walhal sebaliknya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat minta jalan atau penjelasan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini menjelaskan kepada Dewan ini ada sebuah negara di dunia ini yang membahagikan kawasan pilihanraya mengikut satu orang satu undi. Sila bagi contoh satu negara di dunia ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat tadi itu sabarlah. Bila kita berada di dalam Dewan yang mulia ini terpaksa kita mempelajari tentang kesabaran.

Tuan Yang di-Pertua, di Senate-Dewan Negara Malaysia Ahli-ahlinya dilantik sahaja bukan dipilih oleh rakyat. Akan tetapi yang benar-benar mengamalkan prinsip seorang satu undi ialah Kongres Amerika Syarikat yang daripada beberapa aspek boleh dianggap sebagai setaraf dengan Dewan Rakyat negara ini. Itulah

contoh yang saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda itu dapat balik untuk membaca, meneliti dan mendapat satu pengetahuan dan keputusan yang sewajar.

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Adakah pihak DAP akan memikirkan perkara ini apabila mereka dapat memerintah sekarang ini ataupun cadangan itu pihak DAP bercadang untuk melaksanakan apa yang dilakukan oleh pemilihan Presiden di Amerika Syarikat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan di sini cuma bandingan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, bukan saya yang membangkitkan perbandingan ini. Kalau Ahli Yang Berhormat tadi boleh sabar, saya akan mencadangkan cara-cara yang wajar.

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta jalan lagi?

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Jika sekiranya kita menjalankan pilihanraya seperti memilih Presiden Amerika, saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak akan berada di dalam Dewan ini, sebab dia tidak akan dipilih untuk menjadikan Senator, misalnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tadi itu memang dia ada sentimen sedikit, emosi itu hendak naik berang nampaknya tetapi sabarlah dahulu, ada formulanya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi yang benar-benar mengamalkan prinsip seorang satu undi ialah Kongres Amerika Syarikat daripada beberapa aspek boleh dianggap sebagai setaraf dengan Dewan Rakyat negara ini. Contoh yang kedua mengenai sikap setengah-setengah Ahli Parlimen Kerajaan, termasuklah yang Berhormat dari Ulu Muda yang tidak memandang berat Parlimen adalah semasa persidangan Parlimen dua hari yang lepas di mana yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian apabila ditanya oleh saya mengenai jumlah wang yang telah dibazirkan oleh Kerajaan mengenai padi jenis IR 42. Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja tidak menghiraukan pertanyaan yang dituju kepadanya akan tetapi telah memberi jawapan yang menyimpang ke arah yang tidak tentu.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Luhut Wan:** Yang Berhormat dari Kepong macam pepatah kata, dia berjalan tidak memakai suluh masuk longkangkah, langgar durikah dan langgar tunggulah begitulah cara dia di dalam Parlimen. Di sini kalau yang Berhormat mahu saya ada jawapannya bagi pertanyaan pada hari ini di Parlimen, tetapi kebetulannya tidak sampai, nanti Yang terhormat boleh bacalah dan teliti baik-baik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu apabila jawapan diperlukan oleh rakyat, oleh Wakil Rakyat itu dia

tidak beri. Apabila jawapan tidak dikehendaki dia mula bangun hendak beri jawapan. Itulah sikap yang tidak betul.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta jalan.

**Tuan Luhut Wan:** Yang sebenarnya dia ini tergopoh-gapah sedangkan dia sedar.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Luhut Wan:** Ya, Ahli Yang Berhormat, sedangkan dia sedar bahawa dia mempunyai pertanyaan itu sendiri yang dibuat olehnya untuk jawapan daripada pihak saya, dia juga macam orang berlumba perahu, perahu pergi ke lain, bukan tuju ke tempat perlumbaan, langgar ke tebing sahaja selalu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya ulangkan soalan saya ini yang tidak dijawab, saya tanya apakah kerugian ditanggung oleh Kerajaan kerana penggunaan benih padi IR 42 dan adakah langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mengelakkan siban benih padi seperti ini. Jawapannya.....

**Tuan Luhut Wan:** Tuan yang di-Pertua, minta jalan sekali lagi. Tengok telatah Ahli Yang Berhormat itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu tidak beri jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya akan beri, tunggulah sekejap sahaja hendak tengok ada jawapan di dalam Penyata Rasmi, tidak ada jawapan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah kerugian yang ditanggung \$50 juta atau \$100 juta ataupun apa sahaja tidak ada dan

langkah-langkah yang digunakan pun tidak memadai. Itulah satu hakikatnya.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ada di tangan saya di sini. Jikalau Yang Berhormat itu hendak menelitikan jawapan yang teliti daripada pihak Kerajaan—daripada pihak Kementerian Pertanian, saya katakan tadi, saya akan memberi kepada Ahli Yang Berhormat itu bila-bila sahaja dia mahu, kalau sekarang dia mahu saya boleh hantar kepadanya, saya boleh beri. Saya bukan hendak mengelakkan soalnya. Saya tahu soalnya seperti pepatah kata loyar buruk belaka. Mengapa kita mahu mendengar pertanyaan loyar buruk begitu? Seolah-olah benda itu tidak dipentingkan, seolah-olah dia mengetahui lebih mendalam lagi. Kita yang meneliti keadaan dengan teliti kita lebih tahu, bukan dia yang lebih tahu, dan pandai bercakap sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat tadi sabar dahulu, kerana yang pentingnya apabila kita berkehendakkan jawapan tidak ada jawapan. Itulah satu kenyataan yang sangat mengagumkan.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Ahli Yang Berhormat DAP ini betul-betul putar belit. Dia juga menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bergurau senda di Dewan ini, dia juga yang mengamalkan cara itu. Kita daripada pihak Kerajaan dengan cara betul, dengan cara benar kita tidak suka-suka menyebut apa sahaja yang kita maksudkan di Dewan ini, bahkan kita mesti meneliti benda itu dengan betul, kerana Dewan ini adalah Dewan Perwakilan Rakyat, tempat

kita membincangkan kesusahan rakyat, bukan tempat kita main wayang kulit macam dia itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, wayang kulit apa pun hendaklah berdasarkan kepada hakikat dan di dalam tangan saya sekarang ada Penyata Rasmi Parlimen. Saya carilah hendak mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang berpengetahuan dengan teliti mengenai hal pertanian, terutamanya jenis padi IR-42 ini tetapi tidak ada, bagaimana hendak kita menganggap perkara ini.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Untuk penjelasan, nampaknya Yang Berhormat ini bertalu-talu menekan di atas point itu. Saya minta Yang Berhormat itu membaca Penyata Rasmi itu kerana saya juga teringat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ada menyebut bahawa benih padi ini menyebabkan mutu beras yang dikeluarkan itu tidak baik dan inilah merupakan satu kerugian kepada negara dan kerugian kepada Kerajaan. Tidakkah Yang Berhormat itu memahami hakikat ini, jawapan ini? Saya minta yang Berhormat cuba baca, adakah tidak jawapan seumpama itu di dalam Penyata Rasmi ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan saya mengenai apakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan itu ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan, untuk maklumat saya, pihak Kerajaan dan Kementerian telah membuat keputusan bahawa petani-petani akan diberi benih yang lebih baik, bukan benih yang digelar IR-42 ini lagi. Itulah hakikat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat baca jawapan untuk soalan tambahan kerana saya masih teringat jawapan itu diberi oleh Timbalan Menteri Pertanian.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Di sini, hari ini soalan Yang Berhormat mengenai wayang kulit ini ada di dalam Nombor 31. Saya berada di sini untuk memberi jawapan yang teliti yang sebenarnya kita dapat daripada MADA mengenai padi IR-42 ini, ada di sini. Kalau dia mahu dengar sekarang, biar saya bacakan jawapan daripada pihak Kerajaan, biar dia buka telinganya besar-besar, kalau tersumbat lagi suruk, saya korek! (*Ketawa*). Minta izin baca, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu! Sebenarnya tidak perlu Yang Berhormat baca sebab jawapan itu akan menjadi sebahagian daripada laporan perjalanan mesyuarat dalam rupa bentuk jawapan bertulis kepada soalan yang disenaraikan dalam Aturan Urusan Mesyuarat kita. Jadi saya rasa jawapan itu akan tertera sebagai jawapan bertulis dan tidak perlulah Yang Berhormat membaca pula jawapan itu dan lagi pula masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun habis. Terima kasih.

**Tuan Luhut Wan:** Saya terpaksa memohon begitu oleh kerana Ahli Yang Berhormat ini minta dengan bertalu-talu bagaikan budak kecil yang menangis minta ibunya memberi susu (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat teruskan, ingin saya membuat penerangan. Walaupun apa jua permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak semestinya dilayani oleh Yang Berhormat sendiri, melainkan aturan perjalanan mesyuarat berkehendakkan Yang Berhormat

melayani beliau. Oleh sebab Aturan Mesyuarat tidak berkehendakkan Yang Berhormat melayani beliau, maka tidak perlu Yang Berhormat melayani beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sila teruskan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian itu tidak baca Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya seperti yang kita ketahui tadi, pertanyaan-pertanyaan di dalam Dewan yang mulia ini senantiasanya tidak dijawab dengan tepat, dengan lengkap. Ini adalah satu perkara yang penting sebab masa Soal-Jawab adalah satu prosedur Parlimen yang penting dan satu kajian semula hendaklah diadakan untuk meneliti masa yang diuntukkan untuk Pertanyaan-pertanyaan Mulut supaya keadaan yang lemah itu dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur berparlimen adalah amat rumit hingga menimbulkan kekeliruan kerana ianya digubalkan untuk menghadapi pelbagai topik, situasi dan kemungkinan. Aturan Urusan Mesyuarat yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini setiap hari kadangkala sukar untuk difahamkan. Oleh yang demikian adalah sangat perlu untuk menyasiat dan mencari cara-cara untuk memperbaiki prosedur berparlimen supaya cara-cara yang lebih berkesan dapat menggantikan cara-cara yang rumit sambil memelihara prinsip-prinsip penting Perlembagaan Persekutuan.

Di dalam Dewan yang mulia ini wujudnya perdebatan yang terus-menerus di antara Kerajaan dengan rakyat melalui wakil-wakil rakyat. Kerajaan menjelaskan dasar-dasar dan keperluan-keperluan Kerajaan

manakala ahli-ahli individu dan berkumpulan menekankan Kerajaan supaya mendedahkan hakikat dasar-dasar dan keperluan-keperluan tersebut dengan sepenuhnya serta penjelasan yang lengkap. Di dalam prosedur berparlimen kita harus menyedari betapa penting konfrantasi antara Kerajaan dengan Pembangkang diadakan dalam suasana yang adil dan saksama. Ini merupakan inti demokrasi berparlimen.

Cara-cara bagaimana banyak undang-undang yang penting, seperti pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan, Rancangan Malaysia Keempat, persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dan sebagainya telah diluluskan secara terburu-buru di Parlimen. Adalah mengkagumkan bahawa kadangkalanya suatu Rang Undang-undang yang penting yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini kepada Ahli-ahli parlimen dan mereka ini hanya diberikan sehari dua sahaja untuk mengkaji serta menganalisakannya. Masa perdebatan juga amatlah singkat. Perbuatan yang tidak demokratik ini dipraktikkan tanpa mempertimbangkan orang ramai dan kekurangan keikhlasan Kerajaan di dalam prinsip demokrasi yang disarankan oleh Perdana Menteri sendiri dan para Menteri beliau.

Contohnya, perbuatan ini adalah persempadanan kawasan pilihanraya telah menentukan bahawa perbezaan yang sangat besar dengan wajaran kawasan luar bandar yang besar sehingga terdapat satu keadaan di mana setiap satu undi di luar bandar adalah bersamaan dengan 3 undi di kawasan bandar. Dengan cara-cara seumpama ini Kerajaan mendapat majoriti yang terbesar. Keadaan seperti inilah yang menjadi asas bagaimana Kerajaan meluluskan Rang Undang-undang yang penting dengan

begitu mudah dan menghalang parti Pembangkang daripada mengemukakan resolusi mereka. Perbuatan pihak Kerajaan telah menghinakan suara, hasrat dan aspirasi 21% jumlah pemilih di Malaysia yang mengundi DAP.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, untuk mengukuhkan demokrasi berparlimen di negara kita, kita mesti membasmikan kesemua sikap authoritarian dan memberhentikan Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini daripada mempraktis perbuatan yang tidak adil ini. Orang ramai harus sedar bahawa prinsip demokrasi mesti dipelihara dan dipupuk pada setiap masa supaya menentang praktis taat kepada yang berkuasa negara yang semakin menyebarkan dalam pentadbiran negara kita ini. Jangan biarkan walau seorang pun menerima keadaan ini sebagai sesuatu yang memang wujud dan di-biarkan berkekalan begitu sahaja.

Tuan yang di-Pertua.....

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Adakah masih tidak demokratik di dalam negara kita ini sedangkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekarang ini berhujah untuk memberitahu kepada 21% daripada rakyat negara ini tentang perkara-perkara yang diwajibkan atau perkara-perkara yang telah diamanahkan oleh rakyat DAP yang mengundi DAP. Adakah masih tidak demokratik? Kalau sudah tidak demokratik sudah pasti beliau tidak akan dapat berucap dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan soal ini kerana saya takut dengan sikap authoritarian, lama kelamaan kita mungkin boleh jadi seperti German Nazi di bawah Hitler itu. Yang Berhormat tadi seharusnya menyedari bahawa terdapat pelbagai prosedur Parlimen bukan sahaja untuk membahaskan Titah Ucapan Diraja, prosedur-prosedur ini termasuklah prosedur pertanyaan-pertanyaan mulut, ucapan penangguhan yang saya akan bangkitkan sebentar lagi. Saya berharap Yang Berhormat dari Ulu Muda itu dapat bersabar lagi.

Tuan yang di-Pertua, saya menyahut seruan Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai fungsi demokrasi Parlimen selama 25 tahun ini dan membentangkan syor-syor untuk memperbaiki Parlimen dalam tempoh 25 tahun akan datang sebagai satu langkah positif untuk memperbaiki keadaan Parlimen. Bentuk-bentuk reformasi yang diperlukan dalam Parlimen adalah pertamanya reformasi Dewan Negara.

Di dalam Dewan Negara sistem perlantikan Ahli-ahli Senate adalah tidak bermakna. Kebanyakan Ahlinya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong-32 Ahli, manakala yang bakinya 26 adalah dipilih oleh Majlis Undangan Negeri—2 orang bagi setiap negeri. Dewan Negara kita hanya menjadi tempat perlindungan bagi mereka yang telah gagal di dalam pilihanraya, yang telah bersara daripada arena politik, dan adalah tempat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membuat Senator baru untuk menunjukkan penghargaan kepada penyokong-penyokong yang setia dan juga untuk mengukuhkan kuasa politik Kerajaan.

Oleh kerana Dewan Negara telah diturunkan pangkatnya kepada hanya sebagai “rubber stamp” sahaja, masa sudah sampai untuk mengkaji semula keseluruhan sistem ini supaya menentukan bahawa wang yang dibelanjakan oleh orang ramai untuk membiayai Dewan Negara ini adalah digunakan dengan berfaedah serta berhasil.

Tuan yang di-Pertua, oleh itu Parlimen negara kita terdiri daripada dua Dewan ini adalah mustahak bagi kita juga diketahui bahawa pengelakan Dewan Negara adalah diperlukan untuk membubarkan sistem perlantikan yang ada sekarang dan menggantikan dengan sistem melalui pengundian seperti di Amerika Syarikat supaya Senator akan menjadi wakil sejati orang ramai dan memainkan peranan yang lebih berguna dalam keluhuran demokrasi berparlimen kita.

Tuan Yang di-Pertua, alternatif pernah dibentangkan oleh Suffian, Lee dan Trandate seperti berikut:

“Kesemua 32 ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong akan dibahagikan semula kepada 12 yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, manakala yang bakinya akan sama dibahagikan mengikut peratusan undi yang dimenangi oleh parti-parti politik dalam pilihanraya umum.”

Parti yang mempunyai undi yang terbanyak sekali akan dibenarkan melantik satu peratusan yang tertentu daripada jumlah baki tersebut, manakala yang kedua banyaknya akan melantik bilangan ahli Senate yang lebih kecil dan seterusnya hingga ke semua 20 orang ahli dilantik. Inilah cadangan untuk reformasi Dewan Negara. Saya berharap Yang Berhormat dari Ulu Muda dapat menelitikan cadangan ini kerana satu cadangan yang bernas.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi yang kedua yang harus diadakan ialah pembubaran amalan korum bagi Ucapan-ucapan Penangguhan. Ini adalah kerana korum ini adalah tidak adil terhadap orang ramai yang telah melantik Ahli Parlimen mereka untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka ke atas tindakan Kerajaan. Jika Ahli-ahli Parlimen tidak dibenarkan menghabiskan Ucapan Penangguhan mereka kerana korum, maka ketidakpuasan orang ramai tidak dapat dibentangkan di dalam Parlimen kecuali untuk saluran yang lain. Ini menunjukkan Ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak menghiraukan kesangsaraan orang ramai dan juga menunjukkan ketidakadilan kerana Menteri berkenaan telah pun mengetahui topik sesuatu Ucapan Penangguhan dan sudah bersedia untuk memberhentikan ucapan ini daripada dilafazkan kerana tiada korum. Dengan bilangan penyokong Kerajaan dalam Parlimen yang paling banyak, pihak Barisan Nasional dengan senangnya dapat mementaskan satu "walk-out" untuk menengahkan mesyuarat sesuatu persidangan Parlimen.

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta jalan, saya rasa tidak adil bagi DAP hendak mengatakan sesuatu kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sedangkan pada setiap hari, kelmarin pada 26hb satu orang anggota DAP pun tidak ada dalam Dewan ini untuk mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Barisan Nasional. Apakah itu adil?

**Timbalan yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, semalam kita semua ada hadir. Sekarang pun ada hadir juga, memang ada rehat di luar sebahagian-nya, dan sebahagian besar Ahli-ahli daripada Barisan Nasional pun tidak ada di dalam sekarang. Itulah satu hakikat, cuma saya berharap Yang Berhormat dari Ulu Muda itu dapat meneliti cadangan saya supaya amalan korum ini dibubarkan untuk Ucapan Penangguhan. Itulah yang penting kerana rakyat hendak suara, aspirasi dan hasratnya dikemukakan di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi.....

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Bolehkah Yang Berhormat itu menerangkan apakah sebab yang menyebabkan bilangan Ahli-ahli Barisan Nasional itu ramai dalam Dewan ini dan bilangan Ahli-ahli DAP itu sedikit? Adakah ini Yang Berhormat itu bertujuan hendak menghina Setiausaha Agung DAP kerana tidak dapat memimpin DAP dengan betul untuk memenangi pilihanraya dengan banyak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan menteri tadi bersuara dengan begitu lantang. Ini menunjukkan beliau tidak dengar apa yang saya sebutkan tadi mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya mengenai cara yang digunakan untuk menghalang pihak DAP daripada mendapat sokongan daripada rakyat. Misalnya

tidak ada rapat-rapat umum dan banyak lagi ketidakadilan yang dilakukan ke atas kami semua. Itulah satu hakikat. Saya berharap yang Berhormat Timbalan Menteri itu dapat membaca nilai-nilai Islam dan sebagainya kerana nilai ini mewujudkan kebenaran.....

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*).

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan kepada siapa ini, kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putehkah atau dari Besut?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini banyak sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut. Yang mana satu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Kedua-dua.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya dulu, saya dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan Yang terhormat memberi jalan kepada kedua-dua Yang Berhormat serentak. Silakan Yang Berhormat dari Besut.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Waktu dulu rapat umum dibenarkan. adakah pernah DAP waktu itu dapat memerintah negara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang lagi satu, hendak beri jalan lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, sebenarnya apa yang Kerajaan Barisan Nasional lakukan sekarang ini adalah pelajaran yang diterima daripada DAP sendiri, daripada Ketua Pembangkangnya, daripada tingkah lakunya, daripada tindakan-tindakannya maka Kerajaan terpaksa buat apa yang DAP sendiri hendak. Jadi, apa yang Kerajaan buat sekarang adalah telah diajar oleh Ketua Pembangkang dan ahli-ahli pembangkang sendiri. Jadi, siapa yang salah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua, keadaan di dalam Dewan yang mulia ini menunjukkan pihak DAP senantiasa menasabah dan melakukan keadilan. Kami sanggup memberi peluang dengan adil walaupun kedua-dua bangun serentak.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi yang ketiga adalah ke atas Dewan Rakyat seperti mana yang kita pernah usulkan iaitu Model Westminster yang diamalkan sekarang tidak mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi yang sejati seperti di Australia di mana calon yang berjaya mestilah menang dengan majoriti undi yang mutlak. Sebagai alternatif saya syorkan penggunaan Model Jerman Barat yang menggabungkan Modek Westminster dengan perwakilan perkadaran, di mana separuh daripada calon Parlimen dipilih berdasarkan pengundian dalam kawasan pilihanraya dan yang separuh lagi mengikut perwakilan perkadaran. Dengan sistem ini parti politik yang kecil akan dapat memperolehi lebih banyak kerusi Parlimen. Sistem sekarang ini menyebelahi parti yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang satu lagi yang harus diubah adalah syarat-syarat penentuan sempadan kawasan pilihanraya pada masa sekarang. Kebanyakan daripada kawasan ini berbentuk politik yang adalah juga penyokong parti. Dalam erti kata politik, kawasan-kawasan ini di "gerrymandered" untuk mendapatkan majoriti kerusi di Parlimen untuk parti yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan rakyat keturunan Cina supaya mencurahkan penuh taat setia tanpa berbelah bagi kepada negara ini. Menurut Baginda, perpaduan dan ketaatan serta saling hormat-menghormati adalah sesuatu yang perlu dalam hidup. Kita memang setuju dengan Duli Yang Maha Mulia dan kita tidak dapat menafikan kebenaran falsafah ini. Sebenarnya rakyat keturunan Cina mempunyai semangat cintakan negara, dan semangat ini patut diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Akan tetapi sekiranya rakyat semua berbilang bangsa termasuk bukan Melayu diperbezakan serta dianak tirikan oleh Kerajaan, maka susahlah bagi mereka semua terus mencurahkan taat setia mereka kepada negara.

Seperti yang dikatakan oleh seorang tokoh, jika mereka yang mengamalkan dasar ekstremisme dibenarkan memerintah dan yang mengikut dasar kesederhanaan digolongkan sebagai "pengkhianat" maka perbincangan mengenai kebudayaan nasional akan merosot dan menjadi takbur, di mana masyarakat akan tetap tidak berpengetahuan mengenai sentimen perkauman serta keagamaan. Walaupun pemimpin-pemimpin negara kita telah menegaskan dasar-dasar keharmonian berbilang bangsa dan kesederhanaan, apa yang sebenarnya berlaku adalah bersempadanan

dengan dasar-dasar ini. Kritikan serta bantahan yang dikemukakan untuk menentang tindakan dan polisi Kerajaan bukanlah bersinonim dengan dasar perkauman, keterlaluan ataupun anti-nasional. Akan tetapi Kerajaan tetap menuduh Parti Pembangkang menggunakan dasar perkauman untuk memperolehi sokongan orang ramai. Contohnya, isu limau mandarin China yang telah dikaitkan dengan "chauvinisma" kaum Cina Malaysia. Sikap dan amalan Kerajaan seperti inilah yang menjadi penghalang terbesar di dalam usaha kita untuk mencapai perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai perkhidmatan awam yang telah pun dibangkitkan di dalam Titah Ucapan Diraja. Pada tiap-tiap 5 tahun satu semakan semula gaji kakitangan perkhidmatan awam hendaklah diadakan. Dan sepatutnya laporan daripada Jawatankuasa Kabinet hendaklah dibentangkan pada 1hb Januari tahun ini tetapi setakat ini lebih daripada 800,000 kakitangan perkhidmatan awam sedang menunggu laporan-laporan penyemakan semula gaji. Dan ini juga diambil perhatian oleh rakyat jelata kerana penyemakan ini akan menjejaskan, menggalakkan ataupun apa sahaja kesannya ke atas rakyat jelata dengan bilangan yang begitu banyak kakitangan perkhidmatan awam.

Saya berharap pihak Kerajaan dapat menyemak laporan gaji bagi kakitangan perkhidmatan awam dengan secepat mungkin supaya rakyat dan kakitangan perkhidmatan awam dapat mengetahui hasrat dan cara Kerajaan untuk menyelesaikan masalah gaji ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam kita telah menjadi suatu kubu polarisasi kaum dengan aliran sekarang yang memperlihatkan pertambahan dalam bilangan kaum bumiputera dalam perkhidmatan awam

manakala terdapat pengurangan dalam bilangan kaum bukan bumiputera. Keadaan ini bukan sahaja disebabkan oleh peraturan pengambil-kakitangan yang berat sebelah tetapi juga kerana keengganan kaum bukan bumiputera untuk berkhidmat disebabkan oleh polisi-polisi kenaikan pangkat yang tidak adil. Diskriminasi ini adalah bercanggah dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai perpaduan nasional. Rakyat merasa tidak puas hati kerana hak kemasyarakatan mereka semakin merosot. Apa yang Kerajaan kita sedang buat adalah sama seperti yang dilakukan oleh pihak British iaitu mengamalkan dasar "bahagi dan memerintah".

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, semasa memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah menyeru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk memperlihatkan penglibatan kumpulan-kumpulan politik di dalam perkhidmatan awam sebagai satu tindak balas terhadap keperluan-keperluan masa sekarang untuk menentukan bahawa rancangan-rancangan pembangunan mencapai objektif mereka. Beliau menambah lagi pandangan bahawa perubahan ini telah menjejaskan konsep perkecualian dalam perkhidmatan awam adalah salah. Pandangan yang harus diambil adalah kumpulan politik dianggap sebagai rakan seperjuangan dalam usaha membangunkan negara. Tetapi apa yang semua orang mengetahui adalah parti-parti politik dalam Malaysia adalah berdasarkan dasar-dasar perkauman dan mempraktikkan dasar-dasar ini di dalam setiap perkara yang dilakukan. Dalam Artikel 136 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Suruhanjaya Reid serta Perintah Am 50, Bab "A" (1973), kesemuanya menegaskan keadilan dalam perkara kenaikan pangkat tidak mengira bangsa tetapi menurut kelayakan, kebolehan dan pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ketidakadilan dalam perkara mengambil kakitangan serta kenaikan pangkat, perkhidmatan juga mempunyai "penyakit" sosial yang lain seperti rasuah di kalangan segelintir pegawai-pegawai dan birokrasi yang mengkekukkan. Contoh kes rasuah adalah ketika diperhebohkan tentang rasuah yang pemilik lori terpaksa membayar kepada pegawai tertentu dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun lepas dan sebagainya. Kerajaan Malaysia telah dituduh oleh seorang pakar luar negeri bahawa haluan yang diambil oleh pihak kakitangan Jabatan Kerajaan adalah bertentangan dengan yang diambil oleh ahli-ahli politik, di mana dunia perniagaan kepantasan adalah penting kerana kelenghan bererti masa dan wang akan dibazirkan. Akan tetapi masa yang diambil oleh pihak seperti SIRIM untuk meluluskan sesuatu hasil keluaran industri terlalu lama dan ini tidak menggalakkan pelabur asing untuk melabur di dalam perindustrian disebabkan "double standard" yang dipraktikkan yang tidak menghukumkan pengeluar tempatan yang tidak mendapat kelulusan SIRIM untuk barangan keluaran mereka manakala pelabur asing mesti berbuat demikian. Ini akan menjejaskan lagi pelaburan luar negeri di dalam Malaysia. Satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh pakar luar negeri ini adalah perlindungan yang tidak mencukupi di Malaysia terhadap hakcipta. Langkah yang tidak tegas diambil dan ini merugikan para pelabur asing yang membawa masuk teknologi baru mereka. Saya mengesyorkan supaya polarisasi kaum dan birokrasi yang kekuk dibasmikan sama sekali di dalam sektor perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah mengalami pertambahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi, kita masih berhutang \$54 bilion dan mempunyai

defisit imbangan pembayaran sebanyak \$5.2 bilion. Dengan pengurangan keluaran minyak mentah sebagai tanda sokongan yang diberi kepada OPEC, Kerajaan menganggarkan kejatuhan dalam hasil dari kutipan cukai ke atas pengeksporan minyak mentah sebanyak \$350 juta. Kerajaan yakin bahawa kejatuhan ini akan diimbangkan oleh pertambahan hasil daripada eksport gas ke Jepun. Bekalan lada diramalkan akan berkurangan sebanyak lebih daripada 10,000 tan manakala keluaran timah juga diramalkan akan jatuh. Kerajaan juga telah menghadkan pinjaman tahun ini kepada \$5 bilion di mana sebahagian besarnya akan datang daripada sumber dalam negeri. Pada tahun lepas Kerajaan telah meminjam sebanyak \$5.238 bilion di mana \$4.226 bilion adalah diperolehi daripada luar negeri. Minyak kelapa sawit telah memperolehi hasil eksport sebanyak \$5,200 juta dalam 1984 manakala getah tetap menjadi penghasil pendapatan pertukaran asing yang utama bagi sektor komoditi pertanian utama dengan penjualan sebanyak \$3.3 bilion. Bekalan wang Malaysia telah merosot sebanyak 3.8% iaitu \$524.8 juta dan bekalan wang mudah tunai telah naik sejumlah \$228.7 juta (0.5%). Matawang negara kita adalah agak kuat dan telah bertambah kukuh terhadap matawang asing lain kecuali matawang Amerika Syarikat dan Singapura, kita dapat berbuat demikian kerana pinjaman daripada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, indeks harga pengguna Semenanjung Malaysia telah naik sebanyak 3.9% pada puratanya bila dibandingkan dengan tahun 1983 manakala indeks di Sarawak juga menghadapi pertambahan sebanyak 2.7%. Seperti mana yang terkandung di dalam Titah Ucapan Diraja, kadar pertumbuhan ekonomi negara telah menurun daripada 6.9% yang didapati pada tahun

lepas kepada anggaran 6% bagi tahun ini. Maka adalah jelas kepada semua rakyat Malaysia bahawa kita akan menghadapi lebih banyak kesusahan dari segi ekonomi. Kerajaan Malaysia mesti cuba dengan ikhlasnya untuk meringankan beban rakyat dengan menghapuskan segala kesusahan termasuk "Mafia" ekonomi, ketidakadilan dalam perkhidmatan awam, dalam peruntukan biasiswa dan sebagainya. Kita mesti bertungkus-lumus untuk menghapuskan birokrasi yang menyusahkan kita dan memperjuangkan untuk pelaksanaan polisi perdagangan dan perindustrian yang lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menitahkan bahawa kita semua sepatutnya berusaha bersama-sama dengan Kerajaan untuk meningkatkan penerapan nilai-nilai Islam dengan lebih berkesan lagi. Baginda juga menyedari bahawa ada pihak-pihak yang curiga terhadap langkah-langkah penerapan nilai-nilai Islam ini. Isu Islamisasi ini adalah penting untuk negara ini kerana terdapat berbilang agama di masyarakat kita. Saya mengalu-alukan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang memberi jaminan bahawa langkah-langkah Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi orang-orang bukan Islam. Jaminan ini hendaklah diingati oleh semua pihak terutamanya pihak yang berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 50% daripada penduduk bukan Islam di Malaysia merasa bahawa tindakan Kerajaan yang hanya mempertimbangkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara adalah juga satu usaha untuk mendiskriminasikan kaum-kaum Malaysia serta mengagung-agungkan nilai agama satu

kaum sahaja. Mereka yang bukan Islam merasa takut kemungkinan hak serta kepercayaan agama mereka akan terjejas lagi. Kerajaan bukan sahaja hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran serta pengurusan jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi juga akan menerapkan etika kerja menurut nilai-nilai Islam dalam kurikulum latihan pegawai-pegawai Kerajaan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa sebuah jawatankuasa khas untuk menyelaraskan pelaksanaan undang-undang sivil dengan undang-undang syariah dalam usaha untuk melenyapkan per-canggahan yang terdapat sekarang. Ini adalah usaha baru Kerajaan untuk menerapkan ajaran Islam dalam berbagai sistem hidup dan aspek Kerajaan. Rakyat yang bukan beragama Islam akan merasa lebih terancam lagi kerana takutkan cara hidup mereka juga akan turut di-islamisasikan pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak memberi peringatan kepada pihak Kerajaan bahawa masih terdapat golongan pelampau agama di dalam masyarakat. Apabila berlakunya perbuatan-perbuatan berunsur agama yang menjejaskan hak asasi golongan yang tertentu itu yang dialami oleh golongan-golongan yang tertentu, saya senantiasa berikhtiar untuk mengelakkan daripada berlakunya perselisihan agama. Di sini saya cuma hendak menekankan bahawa semua penguatkuasa di dalam Kerajaan hendaklah senantiasa berwaspada akan perasaan sensitif perihal agama, misalnya segala bentuk paksaan serta komplot mengislamisasikan orang-orang muda bukan Islam. perkara ini telah menimbulkan perasaan gelisah dan benci di kalangan keluarga yang berkenaan. Saya berharap pihak yang tertentu dapat berwaspada.

Biasanya terdapat banyak tokong dan kuil masyarakat bukan Islam kerana setengah-setengah golongan mempunyai kepercayaan yang tertentu, maka kadangkala di tepi-tepi jalan didirikan tempat-tempat sembahyang kecil yang boleh menjejaskan trafik. Memanglah betul kita hendak menasihatkan semua pihak supaya jangan didirikan tempat-tempat sembahyang ini di kawasan yang boleh menjejaskan kepentingan rakyat. Akan tetapi cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini hendaklah mengambil kira perasaan sensitif kepercayaan dan keagamaan golongan tertentu. Apabila kawasan-kawasan yang mempunyai tokong-tokong dan kuil-kuil dibersihkan, adalah wajar bagi pihak Kerajaan supaya masalah tokong dan kuil ini diselesaikan tanpa menjejaskan hak asasi golongan bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja tidak mahu menyentuh perkara ini dengan lebih mendalam kerana hendak menjauhi daripada mencetusnya salah faham. Saya cuma hendak menekankan bahawa jaminan Duli Yang Maha Mulia bahawa hak asasi bukan Islam tidak akan terjejas di dalam proses Islamisasi mesti diambil kira dan diperlihatkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Lambir.

4.42 ptg.

**Dr George Chan Hong Nam (Lambir):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Di Raja kepada Parlimen dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di Raja telah menyentuh berbagai aspek sosial dan ekonomi negara kita. Saya percaya bahawa setiap warga-negara yang mencintai keamanan akan menyokong sepenuhnya matlamat Kerajaan untuk memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan di antara berbagai kaum di negara kita. Tiada seorang pun yang berupaya memikir dengan baik mahu negara kita menghadapi kemunduran atau kekacauan. Tetapi, baru-baru ini kita telah membaca pertambahannya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh golongan-golongan tertentu yang menggelarkan aktiviti-aktiviti pelampau atau extremist yang tentu akan mengganggu keamanan dan kestabilan politik negara ini. Pelampau atau "extremisms" dalam apa jua bentuk pun, sama ada berbentuk politik, agama atau sosial, akan menimbulkan berbagai masalah kepada negara dan tetap akan mengganggu usaha-usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan keharmonian kaum dan perpaduan negara.

Sehubungan ini, ingin saya mengesyorkan bahawa sebuah Pasukan Petugas atau Task Force ditubuhkan untuk menjalankan siasatan menyeluruh tentang bagaimana aktiviti-aktiviti "extremist" berlaku dan siapa yang bertanggungjawab serta sama ada campurtangan asing secara langsung atau tidak langsung ada terlibat. Ia harus juga memberi syor-syor kepada Kerajaan berhubung dengan cara-cara berkesan yang boleh mengatasinya. Pada pendapat saya, salah satu cara yang dipercayai berkesan untuk menentang pelampau atau "extremist" ialah Kerajaan harus menunjukkan bahawa ia adalah adil dan saksama dan ia mementingkan keperluan ramai atau majoriti bukan kepada segolongan kecil yang vokal atau "a few vocal minority".

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat makalah-makalah dalam akhbar-akhbar bahawa pemegang ijazah sains yang menganggur kian bertambah dan ada yang terpaksa menceburi diri dalam pekerjaan yang tidak ada kena-mengena dengan bidang pengajian mereka. Ada juga akhbar yang melaporkan bahawa bilangan pelajar-pelajar yang memohon mengikuti kursus-kursus teknik dan vokasional di Maktab-maktab Teknik tempatan dan Sekolah-sekolah Vokasional adalah kurang tahun ini. Semua tanda tersebut, Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang sihat memandangkan dari segi pelajaran dan program latihan tenaga manusia. Ia memerlukan perhatian segera daripada pihak Kerajaan.

Dalam sebuah negara yang sedang pesat membangun seperti negara kita, dan juga sedang mempergiatkan lagi usaha perindustrian, sebenarnya atau logikinya ialah tentu keperluan pekerja-pekerja dalam bidang sains dan teknik, khasnya di peringkat pertengahan atau separuh profesional termasuk Juruteknik dalam berbagai bidang harus bertambah. Saya berpendapat bahawa satu tinjauan atas keadaan penawaran dan pembekalan atau "Demand and supply" dalam pasar pekerjaan atau "job market" dalam negara kita harus diadakan, termasuk rancangan-rancangan latihan tenaga manusia yang sedia ada. Mungkin ada perlunya kursus-kursus sains dan teknik perlu dikaji semula dan di mana perlu harus diubahsuai untuk memenuhi keperluan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat terperanjat untuk membaca dalam akhbar tempatan tentang kes-kes yang digelar "Doktor Pensil". Saya menyokong dengan penuh pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa doktor-doktor yang

menggunakan pensil dan tidak sanggup menggunakan tangan mereka apabila mendiagnos pesakit-pesakit harus meletakkan jawatan atau meninggalkan pekerjaan mereka. Saya sendiri sebagai seorang doktor, saya tidak faham apa-apa sebab yang munasabah bagi doktor menggunakan pensil apabila mengubati atau mendiagnos pesakit tanpa menggunakan tangan. Tugas utama seorang doktor ialah untuk menyelamatkan nyawa tanpa mengira keturunan, agama atau latar belakang sosial seseorang pesakit.

Adalah menjadi satu amalan biasa bahawa setiap ahli profesion perubatan perlu mengikuti dan mematuhi etika kod perubatan atau "medical code of ethics". Jika terdapat mana-mana mahasiswa perubatan dalam universiti-uviversiti tempatan atas sebab-sebab yang mereka sendiri sahaja tahu, tidak sanggup mematuhi etika kod perubatan, mereka harus diminta meninggalkan kursus perubatan dan mengambil kursus-kursus yang lain. Mana-mana satu mahasiswa perubatan atau doktor pun yang semata-mata terlampau dipengaruhi oleh "religious fanaticism" atau mempunyai "extreme dogmatic inhibitions" adalah tidak sesuai menjadi ahli perubatan kerana amalan perubatan menghendaki kegunaan kaedah-kaedah saintifik dan objektif.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya dipilih menjadi Ahli dalam Dewan yang mulai ini, iaitu sejak 1982, saya telah mengemukakan dalam beberapa ucapan saya mengenai nasib malang dan menyedihkan beratus-ratus anak sah rakyat Malaysia yang kita telah menafikan hak kerakyatan pada mereka semata-mata kerana mereka dilahirkan di Brunei. Mereka telah menjadi stateless atau tidak berwarganegara bukan kerana apa-apa kesalahan, tindakan atau kecuai-

mereka sendiri. Kita boleh menggambarkan kesedihannya dan kesakitan mental bagi seorang yang sedemikian yang telah menderita lebih dua puluh tahun, khususnya pada kes-kes di mana semua adik-beradiknya ialah warganegara Malaysia. Saya telah pun menerangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini sebab-sebab mereka lahir di Brunei sebelum Malaysia ditubuhkan. Saya merasa adalah tidak perlu bagi saya memberi keterangan selanjutnya lagi. Dengan amat dukacitanya saya memperhatikan bahawa walaupun rayuan-rayuan tentang permohonan-permohonan mereka telah dibuat dalam Dewan yang mulia ini, permohonan-permohonan mereka masih digantung.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sekali lagi merayu kepada Menteri Dalam Negeri sendiri untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk mempercepatkan pertimbangan permohonan-permohonan warganegara tersebut, khususnya kes-kes daripada Sarawak. Sehubungan ini, ingin saya mengesyorkan bahawa satu dasar dibuat iaitu semua anak sah yang lahir di Brunei dan ibu-bapa mereka ialah warganegara Malaysia harus diberi kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat menggalakkan untuk memperhatikan bahawa Kerajaan kita telah menaruh perhatian berat atas keperluannya untuk mempercepatkan proses perindustrian serta mengatasi masalah struktur di sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, soalnya yang timbul ialah sama ada kita harus meneruskan dengan pesatnya memperkembangkan industri-industri gantian import yang mendapat perlindungan yang berlebihan sahaja. Saya merasa bahawa memandangkan batasan-batasan yang terdapat di pasaran dalam negeri, adalah perlunya

untuk menjadikan industri gantian import kita lebih berupaya untuk bersaing dan membuat penyesuaian strategi pengeluaran dan penjualan ke arah eksport. Sehubungan ini, usaha-usaha harus diadakan untuk mempertingkatkan lagi mutu barangan-barangan buatan Malaysia. Ingin saya menyatakan bahawa kempen semata-mata untuk menggalakkan orang-orang tempatan untuk membeli barangan buatan Malaysia sahaja adalah tidak mencukupi. Seimbangan pentingnya ialah kempen untuk menggalakkan pengeluaran barangan buatan Malaysia yang bermutu tinggi. Sebagai satu langkah ke arah ini, Kerajaan harus mengadakan insentif-insentif bagi industri-industri tempatan atau pelaburan asing bersama untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan perlantikan lebih ramai pekerja-pekerja mahir.

Untuk menggalakkan eksport, strategi pemasaran bagi barang-barang pembuatan untuk eksport harus diadakan dengan telitinya supaya dapat mengatasi berbagai batasan dan had-had. Adalah perlunya bagi kita mengadakan Sogoshosa (berdasarkan konsep Jepun) sendiri sebagai alat untuk mendapat maklumat strategik dan berita mengenai pasaran-pasaran eksport dan untuk menggalakkan eksport menerusi rangkaian antarabangsa. Sogoshosa kita juga perlu mengexplor prospek eksport untuk barang baru dan dalam hal ini juga menyediakan saluran-saluran bagi eksport barang-barang daripada industri kecil negara ini. Memandangkan jangkaan kadar pertumbuhan yang perlahan di negara-negara maju semakin ketat, adalah perlu bagi negara kita untuk terus bergiat dalam usaha menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan dan merapatkan perhubungan perdagangan di kalangan negara-negara yang sedang membangun dan yang kurang membangun supaya menubuhkan pasaran baru bagi barangan-barangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Negeri Sarawak, sektor perindustrian masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1983, ia hanya merupakan 8% dari Keluaran Kasar Tempatan (Gros Domestic Product) Sarawak, tidak termasuk sektor kehutanan. Oleh yang demikian, usaha-usaha sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempergiatkan pembangunan perindustrian di Sarawak. Dalam hal ini, keutamaan akan diberi kepada industri-industri yang Sarawak mempunyai comparative advantage. Salah satu daripadanya ialah industri petro-kimia yang mana Sarawak boleh dikatakan mempunyai comparative advantage yang amat tinggi. Sehubungan dengan ini, saya berharap bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberi keutamaan bagi menempatkan industri-industri petro-kimia dan lain-lain industri yang boleh mengeksploitasikan sumbu-sumber minyak dan gas di Sarawak. Setakat ini kajian-kajian feasibiliti bagi beberapa buah projek petro-kimia sedang diadakan di Sarawak.

Kami dapati begitu sukar sekali hendak menarik industri-industri yang biasa kedapatan di Semenanjung oleh kerana masalah pasaran dan lojistik. Oleh yang demikian, saya rasa eloklah bagi Sarawak untuk menumpukan perhatian ke arah mendirikan industri petro-kimia atau industri-industri yang ada berkaitan dengannya khususnya di Miri dan Bintulu. Keadaan di Bintulu merupakan suatu keadaan yang istimewa bagi negara Malaysia dengan adanya sekarang pengeluaran gas asli yang begitu banyak, infrastruktur seperti saluran gas asli yang besar dan pelabuhan air dalam yang perlu bagi melaksanakan projek-projek petro-kimia secara besar-

besaran supaya mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Saya percaya inilah satu-satunya jalan bagi menjamin kemajuan industri petro-kimia di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah satu lagi industri yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Ia boleh memainkan peranan penting menghasilkan pendapatan-pendapatan tak ketara serta menambahkan pekerjaan. Negara kita mempunyai potensi besar untuk menjadikan pelancongan sebagai satu industri yang besar. Kita boleh memerhatikan bahawa beberapa tahun baru-baru ini, pertumbuhan industri pelancongan boleh dikatakan menggalakkan. Pelancong-pelancong luar yang datang ke Malaysia telah bertambah daripada 8.1% iaitu daripada 2.25 juta pada tahun 1980 kepada 2.85 juta pada tahun 1983. Hasil pendapatan luar juga bertambah masing-masing daripada \$697.7 juta kepada \$1,279.5 juta.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin menyentuh tentang potensi pelancongan di Sarawak. Prospek kemajuan pelancongan di Sarawak boleh dikatakan menggalakkan memandangkan dengan adanya berbagai sumber-sumber sejarah dan kebudayaan yang kaya dan tarikan-tarikan semula jadi. Terdapat juga ramai suku kaum etnik dan linguistik yang mempunyai berbagai-bagai tradisi dan kebudayaan yang boleh menjadi tarikan-tarikan khas kepada para pelancong. Ada lebih 50 kumpulan etnik dalam Negeri Sarawak. Keindahan Sarawak dengan flora dan fauna adalah unik dan adalah tarikan istimewa yang sedia ada kepada para pelancong. Setakat ini, terdapat 5 buah Taman Negara sah yang bertujuan untuk memelihara dan menyelenggara hutan-hutan unik tersebut dan lain-lain sumber-sumber alam. Salah satu daripada taman tersebut

Negara Niah dalam Bahagian Keempat di Sarawak. Ia adalah termashyur di seluruh Malaysia dan Asia Tenggara sebab-sebab, dengan izin, unique ecological, biological and prehistoric feature di mana terdapat earliest archaeological excavations di Asia Tenggara dilakukan. Satu lagi taman yang terkenal ialah Taman Negara Gunung Mulu yang mengandungi, dengan izin, some of the richest and most beautiful rain forest dalam dunia. Ia juga mengandungi gua yang terbesar dalam dunia ini.

Selain daripada Taman Negara, Sarawak juga mempunyai pantai-pantai yang indah. Sebuah pantai baru peranginan bernama Pantai Damai sedang diusahakan. Rumah-rumah panjang dan kraftangan asli adalah juga tarikan-tarikan istimewa bagi pelawat-pelawat tempatan dan luar negeri.

Sebagai langkah positif untuk menggalakkan serta mempergiatkan lagi kemajuan industri pelancongan di Sarawak menjadikan salah satu industri besar, suka saya mengesyorkan bahawa lebih banyak peruntukan perlu diadakan bagi memperbaiki serta membangunkan infrastruktur-infrastruktur dan Taman-taman Negara di Sarawak. Sehubungan ini, saya berharap bahawa segala syor-syor bagi memperbaiki dan membangunkan segala infrastruktur yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelima akan diberi pertimbangan istimewa.

Sistem Penerbangan Malaysia juga boleh membantu menggalakkan industri pelancongan dengan mengadakan tambang-tambang khas, seperti excursion atau special holiday package ke Sarawak. Sebagai satu langkah pertama ke arah ini, ingin

saya bercadang bahawa MAS menyediakan satu tambang cuti istimewa ke Sarawak dari Semenanjung Malaysia dan Singapura termasuk lain-lain negara ASEAN. Jika MAS tidak dapat berbuat demikian, suka saya mencadangkan bahawa peraturan-peraturan khas dibuat yang membenarkan lain-lain syarikat penerbangan membawa pelancung-pelancung ke Sarawak. Dari segi pelancungan, perkhidmatan penerbangan yang baik adalah mustahak untuk memudahkan perjalanan dalam dan di antara wilayah atau inter-regional mobility.

Salah satu lagi faktor yang boleh membantu untuk menggalakkan pelancungan ialah mengadakan tempat penginapan dan kompleks peranginan pelancung yang menarik. Dalam hal ini, ingin saya mencadangkan bahawa insentif-insentif khas selain daripada yang diperuntukkan di bawah insentif hotel-hotel, misalnya taraf pioneer, tax holidays, pengecualian cukai pendapatan, insentif lokasi atau locational incentives dan sebagainya harus diberi untuk menggalakkan penubuhan kemudahan-kemudahan penginapan pelancongan yang lebih sempurna dan menarik di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kita sedia maklum bahawa bandar Miri adalah bandar yang telah mengeluarkan minyak lebih 70 tahun. Di Lutong kira-kira 10 kilometer daripada Miri terletak kilang penapis minyak dan ibu pejabat Sarawak Shell Berhad. Walaupun minyak petrol dan diesoline adalah dikeluarkan dari kilang penapis di Lutong dan minyaknya juga dari pantai luar yang berdekatan, tetapi adalah didapati bahawa minyak petrol regular dan diesoline di Miri dan Bintulu misalnya adalah lebih mahal daripada Petaling Jaya. Misalnya di Miri, Bahagian Keempat, Sarawak petrol regular ialah 102 sen satu liter dan 59.2 sen bagi diesoline.

Di Bintulu, juga dalam Bahagian Keempat, harga petrol regular ialah 106 sen satu liter dan diesoline ialah 63.7 sen seliter.

Di Petaling Jaya, harga petrol regular ialah 101 sen seliter dan diesoline ialah 58.3 sen seliter. Bagi harga supershell petrol harga di Bintulu ialah 111 sen seliter berbanding dengan 107 sen seliter di Petaling Jaya. Ini bermakna harga petrol supershell di Petaling Jaya adalah 4 sen seliter lebih murah daripada Bintulu yang terletak hanya kira-kira 200 kilometer daripada penapis minyak di Lutong.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira sepuluh tahun dahulu apabila saya tanya mengapa Miri yang mengeluarkan minyak, harga petrol di Miri adalah lebih mahal daripada Kuala Lumpur dan jawapannya ialah kerana minyak crude dari Miri adalah ditapis di Port Dickson atau di Singapura dan petrol diimport kembali ke Miri.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun baru-baru ini, minyak petrol regular, diesoline termasuk petrol supershell adalah dikeluarkan dari kilang penapis minyak Shell di Lutong, hanya 10 kilometer sahaja dari bandar Miri dan kira-kira 200 kilometer dari Bintulu, harga petrol regular dan juga petrol supershell di Bintulu dan diesoline adalah lebih mahal daripada Petaling Jaya atau Kuala Lumpur dan beberapa bandar di Semenanjung Malaysia.

Saya memang tidak dapat faham lojiknya atau rasionable ekonomiknya mengapakah harga petrol di tempat yang mana dikeluarkan adalah lebih mahal daripada Kuala Lumpur atau Petaling Jaya yang terletak beribu-ribu kilometer jauhnya.

Sebaliknya harga petrol dan diesoline di Miri, Bintulu khasnya dan lain-lain bandar di Sarawak amnya haruslah lebih murah. Oleh yang demikian, ingin saya merayu kepada pihak yang berkenaan untuk menurunkan harga minyak petrol supershell dan regular dan lebih-lebih lagi harga diesoline bagi negeri Sarawak amnya dan Miri dan Bintulu khasnya. Jika harga-harga petrol, khasnya diesoline dapat diturunkan, saya percaya ia tentu boleh menjadi satu catalyst untuk menggalakkan perkembangan perindustrian di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memerhatikan bahawa sejak bulan Januari tahun ini, 12 orang Menteri Persekutuan dan Timbalan Menteri Persekutuan dengan pegawai-pegawai kanan kementerian, mereka telah melawat Sarawak. Tahun lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan beberapa orang Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri telah juga melawat Sarawak.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan Kabinet beliau, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas lawatan dan perhatian mereka yang telah diberi kepada Sarawak. Saya yakin bahawa dengan lawatan mereka, kebanyakan Kementerian-kementerian Persekutuan sekarang akan mengadakan pengetahuan lebih mendalam atau first-hand knowledge dan fahaman yang lebih baik tentang beberapa keadaan-keadaan dan suasana unik di Negeri Sarawak yang adalah berlainan dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Kerjaraya Persekutuan yang telah melawat Miri dan Bintulu pada minggu yang lepas dan telah mencapai satu rekod kerana beliau adalah

Menteri Persekutuan yang pertama kali pernah melawat Bintulu dengan menggunakan "Land Cruiser" dari Miri.

Saya percaya mulai daripada sekarang tidak lagi perlu bagi saya untuk menerangkan lebih lanjut tentang keadaan Jalan Miri/Bintulu. Saya juga percaya Menteri Kerjaraya telah meninjau dan menilai dengan sendirinya apa yang saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini mengenai betapa perlunya dan seriusnya untuk menambahkan peruntukan-peruntukan bagi megetar jalan utama Kuching ke Miri dan saya yakin bahawa beliau akan memberi jaminan bahawa tidaklah perlu untuk kami menunggu sehingga 200 tahun bagi kerja-kerja tersebut disiapkan.

Ingin juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan serta Pegawai-pegawai Kanan Perbendaharaan beliau atas lawatan mereka ke Sarawak baru-baru ini. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai Perbendaharaan Persekutuan telah mendapat maklumat "first-hand" tentang Sarawak sekarang. Ini tentu akan membantu mereka untuk memahami dengan lebih lanjut lagi tentang masalah-masalah unik yang kadangkala dihadapi oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di situ, misalnya perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan.

Soalan-soalan misalnya seperti mengapakah seorang pegawai mesti pergi ke Miri dengan kapal terbang dan tidak menggunakan kenderaan jabatan atau mengapakah "Land Cruiser" sesebuah jabatan yang selalu berjalan di antara Bintulu dan Miri perlu menukar 5 tayar setiap tahun tidak akan timbul lagi.

Adalah dengan iklas diharapkan bahawa Perbendaharaan Persekutuan akan lebih bertimbang rasa apabila jabatan-jabatan dan lain-lain agensi

Kerajaan di negeri Sarawak meminta penambahan peruntukan perjalanan dan pengangkutan mereka ataupun apabila mereka memohon peruntukan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin menyokong Usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.15 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam mengemukakan Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibuatnya pada 25hb Mac yang baru lepas.

Saya ingin menyebut satu dua perkara. Yang pertama, seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan fahaman tetapi terhutang budi di atas perisytiharan Baginda di satu masa dahulu untuk mengurniakan seluruh elaun bulanan Baginda untuk dijadikan derma kebajikan bagi seluruh rakyat Baginda.

Yang kedua, seluruh rakyat Malaysia juga tanpa mengira bangsa dan fahaman terhutang budi di atas perisytiharan Baginda dalam Majlis Perayaan Maulidin Nabi s.a.w. di Masjid Negara di bulan Rabi'ul Awal baru lepas supaya diadakan "Majlis Muzakarah" bagi menyelesaikan satu-satu perselisihan faham.

Mengenai perisytiharan yang pertama iaitu mengenai pengurniakan seluruh pendapatan bulanan Baginda semasa menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk kebajikan rakyatnya di

samping akan menjadi cagaran hidup yang kukuh untuk Baginda berdua suami isteri di alam akhirat nanti, rakyat seluruhnya dan PAS khususnya menyanjung tinggi dan memanjatkan doa ke hadrat Ilahi, apalah kiranya dikabulkan Allah.

Perisytiharan ini dikira penting memandangkan giliran Baginda takhta Yang di-Pertuan agong sekarang berlaku dalam suasana yang amat tidak menyenangkan kerana kelam kabut yang berlaku hasil daripada peristiwa pindaan Perlembagaan, 1984 baru-baru ini, ditambah pula dengan suasana keruh di setengah-setengah negeri yang mengamalkan diskriminasi politik seperti di Kelantan yang membelah bagi secara terang-terangan terhadap golongan rakyat yang menerima fahaman politik pembangkang, insya-Allah diharap sangat supaya tidak akan berlaku di dalam pembahagian derma kebajikan ini yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Saya sebut Kelantan sebagai negeri yang menjadi mangsa politik diskriminasi yang tidak adil ini ialah kerana baru-baru ini dalam peristiwa pembatalan taraf Daerah Tambun di Sabah, orang-orang yang bertanggungjawab di sana telah membuat alasan bahawa mereka telah mendera penduduk Tambunan yang tidak mengundi calon Berjaya itu kerana Kerajaan Persekutuan sendiri telah membuat tindakan yang serupa terhadap Kelantan. Dari segi benar atau tidaknya diskriminasi ini tak payah saya sebagai Ahli Pembangkang mengakui, sekalipun usaha penafian telah dibuat secara bersungguh-sungguh kelmarin oleh seorang Ahli dari Sabah sewaktu Pembangkang mengulas hal itu. Apa yang saya hendak akui ialah bahawa diskriminasi itu tetap diteruskan dan belum

ada tanda-tanda bahawa tindakan yang tidak adil itu, yang membawa pada pecah belah akan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan Baginda supaya diadakan muzakarah, dibuat oleh Baginda setelah negara sekali lagi menjadi kelam kabut kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sendiri telah mencabar PAS supaya berdebat dengan UMNO, walaupun beliau sendiri dengan terang menjelaskan dan mengakui bahawa beliau tidak boleh berdebat sendiri kerana tidak faham mengenai Islam, mengenai aqidah Islam, mengenai hukum-hukum Islam tetapi kata beliau ada orangnya yang berkekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar yang saya tahu dan ingat, tidak ada seorang pun dari penyokong-penyokong PAS yang membantah cadangan Perdana Menteri itu, sekalipun dirasakan benar tentang ketidak-adilannya kerana tajuk debat, tempat debat, tarikh debat, pengerusi debat, semuanya ditetapkan oleh sebelah pihak. Tetapi kerana yakin akan kebenaran perjuangan berdasarkan Ayat, dengan izin, maknanya: Berabdillah kamu kepada Allah dan jangan sekali-kali bersyirik atau berbelah bagi dengan Allah sedikit pun. (An-Nisa—36).

Maka kami dengan segala tenang hati menerimanya dengan harapan krisis yang begitu lama akan berakhir. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dukacita seperti yang diketahui umum debat dibatalkan. Dibatalkan atas alasan pihak Yang di-Pertuan Agong tidak membenarkannya, konon. Tetapi yang ganjil dan menjadi buah mulut sampai sekarang bahawa kalau sungguh pembatalan itu berasaskan larangan Yang di-Pertuan Agong, maka kerana apa pula

perisytiharan Yang di-Pertuan Agong untuk bermuzakarah itu tidak dilaksanakan sampai sekarang. Perintah sama perintah, tetapi mengapa satu perintah sahaja yang dijunjung. Manakala yang satu lagi dilemparkan begitu sahaja. Hendak dikatakan bahawa muzakarah itu telah dilaksanakan sesama sendiri, maka itu bukan caranya muzakarah. Itu namanya muafakat bukan muzakarah. Dengan cara itu sampai bila pun tidak akan menyelesaikan masalah.

Hendak dikatakan PAS ini degil, maka itu hanya suatu tanggapan yang tidak berasas sama sekali. Takkanlah PAS yang degil ini boleh diterima oleh masyarakat sejak dulu sampai hari ini dan insya-Allah sampai bila-bila pun, walaupun ditentang, ditindas dengan begitu teruk termasuk masyarakat terpelajar di dalam dan di luar negeri.

Tentunya, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara lain yang sedang disembunyikan sungguh-sungguh oleh pihak yang menganjurkan debat itu. Setidak-tidaknya ialah untuk meneruskan amalan pecah-belah kemudian memerintah iaitu dasar penjajahan dan penindasan yang digambarkan oleh Al-Quranul Karim: Maksudnya: Dan dia telah menjadikan penduduk negerinya berpuak-puak untuk melemahkan dan untuk menindas sebahagian daripadanya mereka itu. (Al-Oasas:—4)

Saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan segala ikhlas hati hari ini, dan dengan rendah diri meminta supaya pihak yang berkenaan melaksanakan Titah Agung itu supaya muzakarah dapat diadakan bagi menjernihkan yang keruh dan menyelesaikan masalah yang timbul. Kalau krisis yang begitu hebat di antara puak-puak MCA sampai berlaku pecat-mecat dan tindakan mahkamah pun dilakukan, pun dapat dirunding

dan khabarnya telah selesai maka takkanlah krisis sama sendiri, sama agama, sesama sebangsa tidak dapat diselesaikan. Tambah pula Yang di-Pertuan Agong sendiri melahirkan hasrat murninya itu untuk muzakarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan penuh di atas Titah Yang di-Pertuan Agong bahawa penerapan nilai-nilai Islam tidak akan menjejaskan hak-hak asasi rakyat yang bukan Islam dan saya ingin menyebut sedikit lagi bahawa usahkan penerapan nilai-nilai Islam sahaja, melaksanakan seluruh dasar Islam pun tidak akan berlaku sedikit pun sebarang jejas, sebarang gangguan terhadap apa-apa hak asasi manusia yang non-muslim. Bahkan di sebaliknya tidak melaksanakan dasar Islam itulah yang benar-benar mengganggu hak-hak asasi manusia. Orang yang selalu bimbang ke atas pelaksanaan dasar Islam ini bukannya orang ramai tetapi taukeh-taukeh dan ceti-ceti yang dikenali dalam istilah ekonomi dengan gelaran kapitalis yang menumpang hidup dengan cara menindas dan memeras keringat manusia yang sebahagian besarnya terpaksa jadi miskin papa kedana kerana angkara tamak mereka. Islam dengan dasarnya yang tepat dan mudah diterima akal mengajar kita bahawa semua manusia bahkan semua makhluk adalah hak mutlak Allah s.w.t. Alasan yang diberi mudah sahaja iaitu kerana Allah sahaja yang menjadi dan mewujudkan semua maujud. Kalau tidak betul dakwaan ini sila buktikan dengan hujah.

Di antara Firmannya, dengan izin, surah Al-Naml, ayat 64, yang bermaksud: "Adakah Tuhan yang berkuasa selain daripada Allah, dan kata oleh mu wahai Muhammad, bawalah oleh kamu dalil-dalil yang mengatakan ada lagi yang berkuasa selain daripada Allah, kalau kamu benar-benar jujur". Bila tidak

ada siapa yang sanggup menidakkan kuasa reka dan kuasa cipta Allah terhadap manusia dan alam seluruhnya maka secara otomatis manusia mesti menerima hak asasi bagi pencipta ke atas barang ciptaanya. Lebih kurang serupa sahaja dengan teori hak cetak buku dikhususkan untuk pengarang dan hak milik bagi penemu-penemu baru di dalam sains dikhususkan kepada mereka yang menjadi daya reka dan daya cipta. Allah tidak meminta sebarang bayaran royalti atau sebagainya di atas cipta terhadap manusia dan terhadap ciptaan manusia dan makhluk lain.

Apa yang dikemukakan, dituntut hanya satu iaitu menjadi abdi kepadaNya, bukan sekadar menjadi rakyat. Dan yang dilarang pun satu, iaitu syirik atau taat yang berbelah bagi, itu sahaja. Yang patuh dengan pandangan dan ajaran ini dinamakan sebagai hamba yang setia atau digelar mukmin. Manakala yang tidak patuh dibahagi dua, yang berpura-pura diberi nama munafik, yang terang-terang tidak patuh diberi nama kafir. Dolak-dalik tidak ada. Kerana dolak-dalik bukan sifat abdi. Dolak-dalik boleh berlaku sekiranya manusia ini bertaraf rakyat kepada Allah, bukan taraf abdi. Senang dan logik untuk menerima.

Di atas dasar inilah kami berjuang dan mempunyai tawaran kepada masyarakat untuk faham dan menyokong dan kita selama-lamanya sedia berunding dan menyelesaikan masalah dengan tenang dan dengan hati terbuka bila timbul masalah. Bila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyarankan di dalam TitahNya supaya bersatu padu dan sebagainya maka di atas dasar Islam sahajalah kami ajak bersatupadu. Bersatu dengan cara masuk campur, bekerjasama dengan golongan yang tidak menerima

keadilan Islam telah terbukti gagal. PAS telah gagal dengan masuk Barisan, Mashumi gagal di Indonesia dan akhir-akhir ini Dr Hassan Turobi gagal lagi di Sudan. Saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat baru dari Padang Terap kelmarin supaya pemimpin-pemimpin PAS mengurangkan jurang ini saya sokong 100%, iaitu pihak atasan perlu mengadakan pertemuan-pertemuan semasa pemimpin. Begitu juga pihak peringkat bawahan perlu mengadakan pertemuan-pertemuan dalam bentuk usrah bersama, dalam bentuk kuliah bersama dan sebagainya.

Segala ayat-ayat Al-Quran yang dibaca begitu lebat oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas kelmarin semuanya akan menjadi salah sasaran sekiranya ditujukan untuk mentadbir perjuangan yang tidak menerima keadilan Islam, baik pun dasar nasionalis, baikpun sosialis, baikpun komunis kerana ahli tafsir yang ulung dan berwibawa di dunia ini bukannya ahli-ahli tafsir yang selalu kita baca tetapi ahli tafsir yang benar-benar ulung dan jati ialah Nabi Muhammad s.a.w. itu sendiri. Kata-kata beliau menjadi tafsir bagi Al-Quran. Tindak-tanduk beliau juga menjadi tafsir bagi Al-Quran. Dan amalan beliau juga menjadi tafsir bagi Al-Quran. Dengan izin, surah Al-Nahl Ayat 40, yang bermaksud: "Kami turun pada mu wahai Muhammad Al-Quran supaya kamu memberi penjelasan kepada manusia."

Apa tujuan Al-Quran yang diturunkan kepada mereka itu. Tindakan-tindakan dan amalan-amalan yang dibuat untuk mentafsirkan Al-Quran yang bercanggah dengan ahli tafsir yang ulung tadi iaitu Nabi Muhammad s.a.w. adalah dikira mardud, tertolak yang wajib disekat.

Negara kita adalah negara yang tidak berasaskan Islam. Ahli undang-nya bermula daripada peringkat bawah sampai ke atas tidak dipaksa dan tidak terpaksa merujuk kes-kes yang berlaku dan juga undang-undang yang akan digubal kepada Al-Quranul Karim dan Al-Sunnah al-Nabawiah dan juga pandangan-pandangan ulama-ulama Fekah Islam. Mereka tidak mesti kenal siapa dia Al-Iman Malik. Mereka juga tidak mesti kenal siapa dia Al-Imam Ahmad. Mereka tidak juga mesti kenal Al-Imam Nokman ibni Thabit Talhanafi. Siapa dia Ibnu Hajar, siapa dia Imam Nawawi yang digelar sebagai tokoh yang telah berjasa menyelesaikan problem beribu juta umat manusia di satu masa dahulu sewaktu negara diperintah dengan nama Islam.

Ucapan Ketua Hakim Negara baru-baru ini di Alor Setar dalam Seminar Undang-undang di Kedah baru-baru ini jelas membuktikan hal ini. Sebab itulah di permulaan al-Quranul Karim, Allah s.w.t. membawa kisah dua makhlukNya yang terkenal. Satunya, Nabi Adam a.s. dan satu lagi Iblis alailaknah. Kedua-duanya dikira bersalah dan menderhaka kepada Allah dan kedua-duanya itu dihalau keluar dari syurga. Tetapi yang anih, Nabi Adam a.s. diterima semula sebagai orang yang baik, manakala Iblis dimurkai terus-menerus. Bagaimana puncanya keadaan ini terjadi? Puncanya kerana Iblis bukan sahaja tidak melakukan amalan sujud kepada Adam a.s. yang diperintah tetapi telah meluahkan rasa tidak senang hatinya terhadap perintah itu sendiri, dengan izin, surah Al-Isra', Ayat 61, yang bermaksud: "Bagaimana aku boleh sujud kepada makluk yang kamu jadi daripada tanah, wahai Tuhan?" Dengan erti bukan sekadar tidak sujud tetapi perintah itu sendiri dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang Islam yang tidak melakukan amalan yang diperintah tetapi ada pula yang mempertikaikan perintah itu sendiri yang secara otomasinya mempertikaikan ketuhanan Allah s.w.t. serta kewibawaan dan ke-aulatan Allah s.w.t. Misalnya Chin Peng, Ketua Komunis, dia juga mengganas dengan menggunakan senjata dan perompak-perompak biasa pun mengganas membunuh dan menggunakan senjata, tetapi adakah dikira mereka berdua ini sama setaraf? Seorang perompak walau bagaimana ganas jahatnya tetapi dia mengakui keagungan Yang di-Pertuan Agong dan kekuasaan undang-undang di sini. Cuma dia tunduk kepada kata-kata hati dan nafsunya sahaja. Tetapi Chin Peng bukan sahaja mengengkar dan tunduk kepada hawa nafsu tetapi yang penting ialah mempertikai dan menolak keagungan Yang di-Pertuan Agong itu sendiri dan semua alat tadbirnya diperlekehkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat perkataan "pelampau" telah digunakan begitu banyak oleh pemimpin-pemimpin kita untuk memburuk-burukkan orang-orang atau anasir-anasir yang kira tidak menyenangkan mereka tetapi takrif pelampau itu sendiri tidak pernah dijelaskan dengan terangnya. Orang-orang Yahudi juga menganggap pejuang-pejuang Palestine sebagai pelampau dan sampai sekarang pun mereka tidak mahu menerima pejuang Palestine sekali pun perjuangan mereka adalah lojik. Begitu juga masa penjajahan dahulu siapa sahaja yang bercakap dan bergerak dalam gerakan kemerdekaan adalah dikira pelampau walaupun penjajahan itu sendiri adalah cara yang terkotor. Dipandang dari segi ini maka tidak ganjil kalau PAS juga dianggap pelampau agaknya kerana perjuangannya masih baharu dikenali di sebelah sini walaupun perjuangan itu memang syarai dan

telah lama dikenali oleh siapa sahaja yang sudi menyelidiki semula tentang Islam telah tertimbus begitu lama oleh gerakan penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan ada orang PAS yang dibunuh di Padang Terap pun PAS dikira sebagai pelampau. Apa kata kalau ditakdir Allah orang PAS yang membunuh agak saya kiamatlah dunia pagi esok. Pembunuhan yang berlaku itu di siang hari bukannya di malam hari yang boleh didalihkan sebagai kebetulan atau terkena serpihan yang tidak disengajakan. Sudahlah siang hari dilakukan pula secara beramai-ramai dan pembunuhan itu berlaku sebelum daripada tarikh pembuangan undi. Tetapi sekali pun begitu kata-kata cemuhan masih terus menerus dilemparkan oleh ke atas PAS bahkan pemimpin negara kita sendiri telah melahirkan rasa puas hatinya dengan kemenangan Barisan tanpa mengambil kira langsung sebarang simpatinya kepada arwah si mati dan keluarga mereka. Kalau disemak semula keadaan negara sejak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dipegang oleh Allahyarham Tun Dr Ismail dan pada akhirnya Tan Sri Ghazali Shafie tentulah kita tidak terdapat satu pun kes pembunuhan yang berlaku secara terang-terangan dalam saat pilihanraya dan dengan secara beramai-ramai kecuali yang berlaku di Padang Terap itulah dan kita minta doa kepada Allah s.w.t. supaya keadaan yang serupa tidak berulang lagi, Insya Allah.

Yang anehnya pembunuhan ini berlaku di saat-saat Kerajaan merancang mengadakan perayaan ulang tahun 25 Parlimen Malaysia yang dengan sendirinya akan ditunjuk-tunjukkan nanti tentang keadilan pemerintahan dan bagaimana demokrasi negara kita ini hidup segar-mekar walaupun ada di

antara rancangan orang yang membuat kenyataan itu nanti masih bertitik dengan darah-darah pembunuhan ini. Saya seru pihak penjaga keselamatan supaya meneruskan penyiasatan dengan amanah dan setia sejajar dengan tugasnya menjaga keselamatan dan dengan simbulnya dua belah tangan yang sedang berjabat dan si dia sampai ke mahkamah sebelum berlakunya pilihanraya umum akan datang. Saya ingatkan mereka dengan ingatan yang telah diberi kelmarin oleh Yang Berhormat daripada Padang Rengas bahawa kita akan bersudahan dengan Kadi Rabbul Jalil, dengan erti bukan sahaja selesai setakat Parlimen ini sahaja.

Menyentuh tentang ucapan yang Berhormat dari Padang Terap kelmarin, saya ingin membuat sedikit ulasan mengenai kenyataan beliau berkali-kali yang bertujuan bahawa Tuhan merestui Kerajaan kita dengan alasan kita terus-menerus menang. Tuan Yang di-Pertua, sungguhkah sesiapa yang menang itu maka dialah tanda mendapat restu Tuhan. Kaedah siapa yang membuat begini. Bila Afghanistan terus-menerus dikuasai oleh Babrak Karmal maka bolehkah dikira Tuhan merestuinya. Bila pejuang-pejuang Palestine terus-menerus dipukul dan dihalau keluar dari buminya sendiri dan dari Beirut, maka bolehkah kita ertikan bahawa mereka telah dimurkai Tuhan. Apa kata kalau pejuang-pejuang tadi memenangi perjuangan mereka di satu hari nanti maka pada ketika itu adakah Tuhan telah mengubah perhatian, akhirnya Tuhan telah menjadi sebiji bola ditendang sesuka hati. Sebenarnya restu atau tidak restu Tuhan itu ada kaedah-nya.

Mengikut Hadis ada beberapa banyak Nabi-nabi dahulu yang akan dibangkitkan di Padang Masyar kelak dengan hanya seorang dua sahaja

menuruti di belakang sebagai pengikut, manakala yang lain-lain semuanya tidak mengikutinya kerana menderhaka kepada beliau. Maka adakah bilangan seorang dua sahaja pengikut itu bererti Tuhan telah tidak merestui Nabinya sendiri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, masalah kehilangan seorang anggota penting dari PAS. Berhubung dengan masalah keselamatan yang ditimbulkan oleh Titah Ucapan Baginda, saya ingin kemukakan masalah kehilangan seorang anggota penting dari PAS iaitu saudara Haji Suhaimi. Saya kata hilang kerana beliau tahu-tahu tidak ada di rumah dan tahu-tahu tidak ada juga di pejabatnya, akhirnya tahu-tahu telah ditangkap oleh polis. Saya sangat dukacita dan melahirkan rasa kesal yang amat sangat di atas cara pihak berkuasa bertindak. Apa salahnya kalau diteruskan sahaja cara lama, bahawa yang menampakkan peri kemanusiaan sebelah menyebelah. Pihak polis ditugaskan bekerja secara halal dan siapa sahaja yang bersubhat dan dikira bersalah bolehlah bertindak dengan cara yang sesuai dengan tarafnya sebagai seorang yang masih dituduh, bukan yang telah tetap bersalah mengikut ketetapan sebelah pihak sahaja. Seperti yang diketahui umum beliau adalah ahli undang-undang. Semua gerak langkahnya boleh dipersoalkan dengan senang di hadapan mahkamah terbuka. Berilah peluang yang adil dan demokrasi kepada rakyat walaupun ianya daripada pihak Pembangkang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.38 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

sama-sama menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dilafaskan dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh keyakinan semoga ucapan-ucapannya itu akan dijadikan panduan dan akan dijadikan asas kepada pentadbiran negara kita pada masa akan datang.

Adalah amat dukacita bagi saya apabila wakil daripada Pengkalan Chepa telah menyebutkan bahawa pembatalan perdebatan PAS dengan UMNO baharu-baharu ini adalah merupakan satu daripada kehendak-kehendak UMNO dan menafikan daripada putar belit yang dilakukan oleh PAS itu sendiri. Dan perbuatan PAS ini adalah mencabar dan menindakkan kuasa-kuasa yang ada kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menentukan sesuatu perkara itu harus berlaku dan tidak harus berlaku dalam negara ini. Kalau beginilah cara wakil Pengkalan Chepa menilaikan perkara yang berlaku itu maka saya kira apa ilmu yang ada pada dirinya tidak berguna sebagai seorang alim ulama tetapi hanya saya anggap seorang ahli politik biasa yang lebih mementingkan kepentingan politik dari segi kepentingan yang lain yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau dahulu saya kata DAP ini merupakan juara yang memutar belitkan tetapi PAS juga boleh saya katakan pada hari ini merupakan juara yang memutar belitkan, kerana pada mulanya perdebatan ini hendak diadakan, apabila tajuk diberi oleh UMNO kepada mereka tetapi tajuk itu tidak mahu diterima, dia memberi tajuk lain. Tajuknya berbunyi:

“Apakah benar orang UMNO kata, orang PAS kata orang UMNO kafir”.

Itu tajuk yang hendak dibahas dengan kita, bukan dia berkehendakkan bahawa adakah benar orang

PAS kata kepada orang UMNO kafir. Tetapi adakah benar orang UMNO kata, orang PAS kata orang UMNO kafir. Itulah putar belit yang saya ketahui daripada surat yang dihantar oleh pemimpin-pemimpin PAS kepada pemimpin-pemimpin UMNO untuk membahas. Jadi, putar belit inilah, daripada tajuk yang diberi inilah juga bahawa orang PAS sendiri telah mengaku bahawa dia tidak kata orang UMNO ini kafir dan telah mengakui dalam perbincangan itu kalau dia ada pun mereka akan menerima kekalahan.

Jadi kalaulah PAS ini sebagai seorang yang katanya mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya dengan ayat-ayat yang bertaburan tetapi cuba hendak mencabar kuasa-kuasa dan menidakkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong, ini adalah merupakan suatu yang mendukacita saya. Sebenarnya orang UMNO tidak pernah mewujudkan keadaan berpuak-puak tetapi sebaliknya orang PASlah yang mewujudkan keadaan berpuak-puak kerana di dalam negara ini hanya orang Islam satu puak sahaja dan kebanyakan terdiri daripada orang Melayu. Tetapi dengan adanya PAS, orang Melayu telah jadi dua puak, puak PAS dan puak UMNO.

Kalau PAS ini dibubarkan maka UMNO akan tetap sebagai satu puak pertama. Selepas itu pula dari segi parti, ada pula orang yang tidak menyokong parti PAS dikatakan kafir—dua puak lagi. Jadi daripada puak Islam yang sedikit ini telah jadi sedikit dengan sebab perbuatan PAS sendiri yang menuduh orang UMNO ini kafir sebagaimana yang kita sedia maklum ini adalah tidak ada sebab-sebab lain. Ini disebabkan oleh orang yang alim dalam agama tetapi jahil dalam politik. Inilah jadinya keadaan ini. Maka kealiman di dalam agamanya itu cuba hendak membawa-bawakan

segala ajaran, segala akidah, segala apa hukum-hukum Islam yang boleh dipergunakan maka dijadikan isu politik kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa cara-cara ataupun perkara-perkara yang melibatkan agama inilah yang merupakan satu isu yang boleh kita menyatukan semangat atau menggemburkan semangat seseorang supaya bangun dan bangkit berjuang. Walau apa jenis agama sekalipun kalau membangkit masalah agama maka tiap-tiap bangsa, tiap-tiap orang dan tiap-tiap puak itu akan sanggup mati kerana agamanya.

Maka itulah sebabnya PAS ini suka sangat mengambil isu-isu akidah, isu-isu hukum-hukum agama ini untuk kepentingan politik mereka. Apabila Kerajaan menyebutkan bahawa Kerajaan hendaklah mengamalkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara, di dalam kehidupan masyarakat, ini tidak bererti Kerajaan akan mengambil nilai-nilai dari parti PAS. Kalau ambil nilai-nilai parti PAS maka jahanamlah negara kita kerana perbuatan atau nilai-nilai yang dibawa oleh orang PAS ini adalah nilai-nilai yang tidak boleh diterima. Saya tidak mahu kata nilai-nilai yang jahat atau nilai-nilai yang buruk tetapi nilai-nilai ini tidak boleh diterima dan ucapannya dalam Dewan ini seolah-olah kita orang-orang UMNO ini semuanya tidak mahu mengabdikan kepada Allah Subhanahu Wataala. Dan ucapannya di dalam Dewan ini seolah-olah kita yang tidak mengikut PAS ini syirik. Ini adalah tuduhan yang melulu. Sebagai seorang alim tidak seharusnya membuat tuduhan seperti ini. Selagi orang itu masih mengucap dua kalimah syahadat dia tidak boleh menuduh sebarang, seolah-olah perbuatannya itu adalah perbuatan menuduh yang merupakan sesuatu yang kita tidak boleh menerima.

Saya mengakui pada malam 12hb Mac, saya terlupa semasa pilihanraya Padang Terap dahulu, saya berada di

Lubuk Merbau dan itulah mula kekusutan yang berlaku bahawa ceramah UMNO telah diganggu oleh ceramah puak-puak PAS dan pada hari itu juga pihak polis telah menangkap 30 bilah parang yang dibawa ke Rancangan Lubuk Merbau, yang dibawa oleh orang-orang PAS. Jadi kalau wakil dari Pengkalan Chepa ini menganggap semua orang PAS seperti dirinya, tidak apa, tetapi dia lupa bahawa orang PAS ini partinya PAS tetapi perbuatannya macam lebih daripada Firaun jahatnya. Orang UMNO tidak pernah buat begitu. Kalau orang PAS seperti wakil Pengkalan Chepa, tidak apa, tetapi tidak semuanya begitu, jahatnya lebih dahsyat daripada apa yang kita fikirkan, bahkan orang samseng dalam Kuala Lumpur ini tidak pernah buat sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang PAS semasa di Lubuk Merbau pada malam saya berada di situ. Kejadian itu 3-4 hari kemudian berekor daripada perbuatan yang dilakukan oleh orang PAS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa pertumpahan darah yang berlaku dan juga keganasan yang dilakukan oleh PAS sendiri terutama pemimpin-pemimpin muda PAS sekarang inilah yang kebanyakan menerima didikan atau menerima arahan dan juga pernah menghantar wakil-wakilnya untuk menerima latihan di Iran. Mereka akan membawa unsur-unsur dan ajaran ini ke negara ini. Maka daripada punca-punca itulah timbulnya keadaan yang hendak menjalankan pertumpahan darah, yang akan berlaku pertumpahan darah di dalam negara ini sehingga mengatakan darah orang UMNO ini halal dan matinya seorang di tempat pilihanraya itu dianggapkan mati syahid. Dan yang kita tahu bahawa orang yang pergi berkempen di dalam pilihanraya di Lubuk Merbau baru-baru ini tidak ada seorang pun alim ulama yang kita boleh anggap, yang boleh kita belajar daripada

mereka. Bukan sahaja kita hendak belajar ilmu yang ada pada diri mereka; hendak belajar daripada kelakuan mereka itupun kita tergamak, dengan cara buruknya, dengan cara bongkaknya, dengan cara bengkengnya, tidak tergamak. Bukan ilmunya, kelakuannya, pakaiannya pun kita tidak tergamak hendak ikut, macam mana kita hendak ikut ilmu yang ada pada otaknya, jauh sekali. Orang UMNO tidak akan menerima ajaran seperti itu.

Maka adalah salah bagi wakil Pengkalan Chepa apabila mengatakan bahawa pemerintahan kita tidak berasaskan Islam kerana sebagaimana yang kita tahu 20 tahun lebih PAS berkuasa di Kelantan, apakah pernah ia berasaskan Islam, apakah asas-asas Islam yang dijalankan, apakah pembolotan di dalam mendapat hasil-hasil balak itu adalah amalan Islam yang dikehendaki oleh PAS sendiri ataupun perpecahan di dalam PAS sendiri sehingga beberapa puak timbul, di dalam parti PAS sendiri timbul beberapa puak sendiri sehingga lahirnya beberapa parti lain sehingga sekarang dan tidak lama lagi akan lahir satu parti lain lagi, yang lahirnya daripada perpecahan PAS.

Jadi kalau ini merupakan satu perbuatan dan asas Islam yang dikatakan oleh wakil Pengkalan Chepa, maka ini adalah tuduhan yang tidak berasas dan wakil Pengkalan Chepa masih lagi tidak mengakui perundangan dalam negara kita. Dia mahukan perundangan yang berasaskan Quran dan Hadis sebagaimana yang dikehendaki dengan menonjolkan hakim-hakim dan nama-nama hakim yang masyhur semasa zaman keagungan Islam dahulu. Saya rasa kalau inilah Kerajaan ikut, maka wakil Pengkalan Chepa akan jadi Ketua Hakim Negara dalam negara ini dan Tuan Haji Abdul Hadi dari Terengganu akan

jadi Peguam Negara, akibatnya kucar-kacirlah negara ini kerana mereka ini adalah orang alim di dalam agama tetapi jahil dalam politik. Yang tahu hanya cakap, yang buat semuanya tidak jadi kerana kita tengok apa yang mereka buat dan kita tengok apa yang mereka lakukan dan kalau mereka itu lakukan dengan betul, takkanlah di dalam 5-6 orang wakilnya yang ada dalam Dewan ini tinggal seorang sahaja PAS. Dan kalau sekiranya PAS ini benar di dalam perjuangannya, bukan sahaja dia berpecah dengan UMNO, dengan puak-puaknya sendiri dia tidak akan berpecah kalau perjuangannya itu benar. Ini membuktikan perjuangannya tidak benar.

Jangan kita bandingkan perjuangan kita di dalam UMNO sebagai parti pada hari ini, kita bandingkan dengan Afghanistan, kita bandingkan dengan puak-puak di Israel. Itupun kita harus mengkaji mengapa kekalahan. Kekalahan yang berlaku orang Islam di negara-negara Arab kita mesti ingat, ini mungkin juga datangnya daripada keadaan negara Arab dan orang-orang Arab itu sendiri. Jangan kita fikirkan negara Arab ini semuanya aulia ataupun semuanya bersih. Ada kekotoran-kekotoran yang menyebabkan akibat Kerajaan mendengar yang tidak dapat merampas tanahnya balik. Ini kita mesti kaji. Ini semuanya Arab betul, bukan kita hendak meniru nilai-nilai Arab, kita meniru nilai-nilai Islam dan kita bukan hendak masukkan perkara-perkara yang seperti itu. Jadi kalau kita beri wakil Pengkalan Chepa sebagai Ketua Hakim Negara, Haji Abdul Hadi sebagai Peguam Negara maka sebagaimana kita memberi bunga kepada buruk, itulah akan jadinya kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lagi menyebut masalah pelampau-pelampau yang dibangkitkan kerana kalau orang PAS terasa

pelampau yang dibangkitkan oleh Yang di-Pertuan Agong itu kepada orang PAS, maka sudah tentulah orang PAS yang makan lada, maka sebab itu merasa pedas. Walaupun Yang di-Pertuan Agong di dalam Titahnya menyebut ada pelampau-pelampau, maka wakil Pengkalan Chepa sebut adakah ini ditujukan kepada PAS? Kalau PAS terasa pelampau-pelampau itu ditujukan kepada PAS maka orang PAS yang makan lada, sebab itu ia merasa pedas di dalam masalah pelampau-pelampau yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong juga ada menyebut bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Ini adalah mencurigakan orang-orang yang tidak tahu dan tidak faham apa itu nilai-nilai Islam yang diharapkan untuk diterapkan ke dalam pentadbiran dan juga untuk diterapkan kepada kehidupan rakyat terutama pihak-pihak DAP sendiri. Beberapa orang yang telah bangun bercakap begitu takut sekali kepada perkara ini.

Sebenarnya janganlah kita takut kepada bayang-bayang atau kita takut kepada benda yang kita tidak tahu. Sebenarnya nilai-nilai Islam ini nilai-nilai yang baik, nilai-nilai yang boleh diterima oleh semua pihak kerana selama ini pun kita telah mengamalkan nilai-nilai Islam ini, telah diamalkan dan diterima oleh ugama-ugama lain dan adalah berlawanan dengan apa yang dikatakan oleh wakil dari Kepong, Islamisasi. Kita bukan hendak mengislamisasikan orang-orang bukan Islam. Tetapi kita hendak menjadikan nilai-nilai yang

ada di dalam Islam itu hendak dijadikan sebagai satu contoh dan sebagai satu amalan yang baik. Kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa perbuatan yang jahat ataupun tuduh menuduh, hasad dengki, sombong, angkuh, degil, bongkak, tidak mahu mengaku kesalahan, hendak jaga marwah diri konon, ini adalah perbuatan-perbuatan yang tidak dikehendaki dalam kita mengamalkan nilai-nilai Islam. Kalau kita salah, kita kena mengaku salah dan tidak ada manusia dalam dunia ini yang tidak salah, baik Perdana Menteri, baik Menteri, baik Ahli Parlimen, Ketua Pembangkang dan Pembangkang semuanya ada melakukan kesalahan.

Kalau kita salah kita kena mengaku dan kita sekarang tidak sunyi daripada kesilapan. Mengaku kesalahan ini adalah merupakan nilai-nilai Islam yang baik, kalau kita salah. Jangan kita hendak bawa satu dasar yang salah, kita hendak kata betul. Kita kata putih, dia kata hitam. Tengok yang putih mesti kata putih, yang hitam mesti kata hitam. Kalau yang putih kita kata putih, dia kata hitam, bila pun tidak jadi. Inilah degil, tidak mahu mengaku salah. Inilah keadaan yang berlaku dan keadaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang yang tidak mengaku kesalahan diri ini adalah orang yang paling, saya hendak kata paling apa pun, saya tidak tahu, nanti terasa pula. Saya hendak kata paling degil, paling tidak sewajarnya, kalau orang itu tidak mengaku kesalahan diri, orang yang tidak bersifat manusia langsung. Kerana orang yang tidak bersifat manusia langsung inilah orang yang tidak mahu mengakui kesalahan yang dilakukan olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita sekali kerana rakan baik saya kawan pendekar saya tidak dapat hadir dalam Dewan pada kali ini.

Kelmarin rakan saya ini cuba hendak masuk Dewan Negeri Pulau Pinang, rupa-rupanya bangsanya sendiri datang menarik tangannya keluar daripada Dewan dan katanya kalau dia berjaya masuk Dewan Negeri Pulau Pinang kelmarin, dia akan cuba masuk Dewan Parlimen ini pula. Ini adalah hasil daripada orang yang tidak mahu mengaku kesalahannya dan kesilapannya. Keadaan ini adalah orang yang lebih mementingkan dirinya dari segi kepentingan rakyat. Apa salahnya kalau kita mengakui kesalahan kalau kita benar-benar salah. Apa marwah, tiada marwah dalam ini.

Kalau kita salah, kita mempertahankan kesalahan, bukan kita mempertahankan marwah. Jadi, kalaulah begini sikapnya dan sifatnya, sebenarnya, saya sendiripun tidak mahu bangun untuk membangkitkan Perkara 36 (8) pada hari ini. Tetapi apa boleh buat, keadaan itu telah berlaku dan biarlah saya sebutkan, wakil dari Jelutong yang tidak hadir pada hari ini adalah hasil daripada perbuatannya sendiri. Beliau ini selalu mengungkit-ungkitkan isu saya dengan orang-orang India supaya orang-orang India marahkan saya, sehinggakan orang-orang India dalam DAP membakar gambar saya, berarak sana, berarak sini, kerana mereka tidak faham. Ini digembargemburkan oleh pihak wakil tersebut supaya menimbulkan kemarahan kepada saya, walaupun saya sekali-kali tidak bermaksud begitu dan ini adalah merupakan fitnah yang dilakukan kepada saya. Sebenarnya bukan setakat bakar gambar sahaja, kadangkadang saya hendak makan roti canai pun takut, tetapi takut makan roti canai sahaja, tetapi kalau jumpa saya tidak lari.

Perbuatan yang dilalukan oleh wakil dari Jelutong untuk menakut-nakutkan saya, sampai ketika kadangkadangkang gelap dibawanya di atas sana

dan pada masa itulah dia memaki saya dalam Dewan ini. Tetapi Allah Yang Maha Kuasa lebih mengetahui siapa yang benar dan siapa yang salah. Sepatutnya orang-orang India patut berterima kasih kepada saya kerana juara atau orang yang paling memutar-belit seperti ular adalah DAP. Tetapi sebaliknya DAP telah memutar-belitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang beberapa kali telah menghina MIC dan menghina orang-orang India dalam MIC sebagai (immorality) dengan mengatakan orang-orang MIC tidak mempunyai moral dan boleh dijual-beli dalam politik. Sebenarnya Ketua Pembangkang sendiri dan DAP sendiri tidak mempunyai moral (immorality). Berapa kali telah berlaku dalam Dewan ini.

Tadi pun kita tengok bagaimanakah immorality yang dilakukan oleh pihak DAP dan Ketua Pembangkang sendiri, tidak mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat dan segala kata-katanya mesti diterima, dijawab dan orang-orang lain semuanya salah, dia sahaja yang betul. Sekiranya Menteri tidak mahu menjawab ucapannya, lari keluar. Inilah immorality, perbuatannya ini adalah perbuatan yang menghina Dewan ini dan sepatutnya Ketua Pembangkang sekarang ini tidak akan menjadi contoh dan tidak akan menjadikan Dewan ini sebagai kedai kopi yang dia boleh tinggalkan ketika dia tidak suka dan dia boleh masuk ketika dia suka dan dia minta orang lain mendengar ucapannya dan tidak mahu dengar ucapan yang dilakukan oleh orang lain kepadanya. Kalau telinga itu nipis, biarlah sama-sama merasainya dan saya tahu ucapan saya ini dia dengar di dalam biliknya, mesti dia dengar dalam biliknya, dan besok dia datang, dia beri kawannya bantai balik. Tetapi bagi kita pihak Kerajaan tidak begitu. Kita mendengar apa kata-katanya.

Kalau kita menganggap kita yang betul, kita yang baik, menuduh orang lain semua tidak betul, cuba kita ambil cermin suluh diri kita sendiri. Kita tengok cantikkah kita, rupa sebagai berukkah kita, rupa sebagai musangkah, lepas itu baru kita kata kepada orang lain. Kalau kita tidak tengok rupa kita sendiri, kalau kita tidak selam dan lihat keadaan yang sebenar, maka kita tidak nampak. Kita nampak keburukan orang lain, kita tidak nampak keburukan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada penerapan nilai-nilai Islam di dalam pemerintahan Kerajaan dan kehidupan rakyat. Sebenarnya dengan cara penerapan nilai-nilai Islam ini sahaja negara kita akan dapat menyelesaikan dua masalah penting iaitulah masalah hak-hak yang sama di dalam menikmati kekayaan ekonomi negara iaitulah masalah ekonomi negara kita. Dengan cara penerapan nilai-nilai Islam sahajalah hak-hak dan kesamaan di dalam menikmati kekayaan ekonomi di dalam negara ini akan dapat diselesaikan. Begitu juga dengan nilai-nilai Islam sahajalah perpaduan nasional yang kita harapkan akan dapat diselesaikan.

Masalah ekonomi dan masalah perpaduan negara akan dapat diselesaikan dengan melalui cara penerapan nilai-nilai Islam di dalam pemerintahan dan juga di dalam pentadbiran dan juga di dalam kehidupan rakyat kita hari-hari. Kerana perbuatan-perbuatan bersedekah, memberi hak kekayaan kepada golongan miskin, ataupun menerapkan nilai-nilai Islam dan juga perbuatan untuk menolong orang-orang miskin. Ini merupakan satu perbuatan yang baik dan pahala yang besar di dalam Islam dan perbuatan ini diamalkan di dalam Islam.

Jadi tidak perlu kita mengungkit-ungkit perkara Dasar Ekonomi Baru yang memberikan keistimewaan kepada segolongan kecil yang tidak menikmati keadaan itu. Dan kalau rakyat kita dapat menerima penerapan dan nilai-nilai Islam ini saya rasa keadaan masalah ekonomi yang timbul sekarang kita akan dapat selesaikan agar orang kaya tidak akan sombong dengan kekayaan dan orang-orang miskin tidak akan merana dengan kemiskinannya. Inilah yang kita kehendaki. Kerana dengan nilai-nilai Islam inilah sahaja yang dapat kita satukan. Orang yang kaya, mewah, tidak akan berasa curiga, irihati dan dengki jika sedikit sebanyak kelebihan dan juga sedikit sebanyak keistimewaan diberikan kepada golongan-golongan miskin, golongan-golongan yang tidak mendapat nikmat dari keadaan yang wujud di dalam negara kita sekarang demi untuk mengimbangkan dan memberikan hak yang sama di dalam mengecap kekayaan ekonomi di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah hendaknya kita bersifat tamak ataupun bersifat tidak senang hati dengan keadaan yang wujud. Kerana sifat ini adalah nilai-nilai yang dibawa oleh syaitan dan juga nilai-nilai yang dibawa oleh hantu. Kerana kita tidak senang apa yang orang lain dapat dan kita lupa apa yang kita dapat. Dan kita lupa kesenangan yang kita dapati itu adalah hasil daripada perjuangan bersama di antara kita. Dalam mencapai hak yang sama dalam Dasar Ekonomi Baru Bumiputra tidak merampas hak sesiapa, cuma memberi hak kepada yang berhak. Misalnya yang berlaku sebagaimana pemboikotan limau Mandarin yang diimport oleh syarikat Bumiputra merupakan gejala dengki dan tamak yang tidak seharusnya terjadi bagi masyarakat yang diterapkan dengan nilai-nilai Islam. Apa salahnya kalau Bumiputra cuba hendak mengimport

limau China. Bukan mesti limau China, orang Cina sahaja import, misalnya kita kata maka orang Melayu akan import limau Indonesia. Dan paling malang bagi kita bahawa bukan keadaan ini yang berlaku tetapi dalang di sebalik keadaan ini berlaku yang menyedihkan kita. Di depan di dalam Dewan ini berpura-pura sebagai bapa perbezaan untuk membela perpaduan polarisasi kaum konon, tetapi disebaliknya bermain sebagai dalang untuk menjahanamkan keadaan yang wujud supaya kegiatan ekonomi mendapat keuntungan seperti ini supaya jangan puak lain masuk, biar puak kita monopolinya. Dan bukan itu sahaja, banyak contoh-contoh pemboikotan yang berlaku di dalam masyarakat kita.

Kita tahu bahawa orang-orang Bumiputra ini kegiatannya ialah dalam ekonomi pertanian yang tidak menguntungkan. Tetapi ekonomi perniagaan yang lain adalah menguntungkan. Jadi apa salahnya kalau sekiranya Bumiputra ini hendak menyertai di dalam kegiatan-kegiatan lain yang menguntungkan itu sedikit. Hendak mengambil sedikit daripada kegiatan-kegiatan yang menguntungkan itu.

Kita tengok, misalnya pasar-pasar borong ikan, pasar-pasar borong sayur, syarikat-syarikat kenderaan, agensi-agensi dan juga jualan-jualan borong, kita tahu siapa yang monopoli sekarang ini. Kalau ada satu orang Bumiputra hendak masuk jual di Pasar Borong Kuala Lumpur itu, hendak jual ikan, jawabnya ikan itu akan busuk, tidak ada siapa hendak membelinya. Ini pemboikotan. Kalau sayur hendak dijual, kalau orang kampung bawa sayur satu lori hendak jual, jawabnya layulah sayur itu. Pemboikotan berlaku.

Begitu juga dengan jualan-jualan borong maka terpaksa Kerajaan menubuhkan PERNAS untuk memberi

jualan runcit. Apa salahnya pembahagian dan kegiatan yang menguntungkan ini diberi hak yang sama kepada orang yang tidak tahu keadaan itu pada suatu masa dahulu?

Inilah yang patut dibela oleh pihak DAP tetapi bukan memberi racun kepada keadaan yang wujud ini. Memberi racun dan juga untuk menimbulkan keadaan keruh dan apabila keruh, dia akan menanggung di air keruh. Inilah jahat perbuatan yang dilakukan oleh puak yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, kalau ini keadaan yang berlaku maka sampai bila keadaan jurang dan juga keadaan ekonomi tidak akan dapat selesai. Dua masalah penting ini akan tetap tinggal dengan keadaan yang lama. Dan juga banyak lagi contoh-contoh pemboikotan yang berlaku terhadap bumiputera yang diapikan oleh pihak Pembangkang. Dan saya menyatakan ini kerana sebenarnya DAP sendiri tidak payah berseindung di sebalik telunjuk.

Kita nampak terang-terang perbuatan mereka. Mereka akan mencari kesempatan dengan keadaan yang berlaku. DAP janganlah hendaknya melempar batu sembunyi tangan sebagaimana rakan saya dari Padang Rengas kata sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kejayaan yang dicapai di dalam masalah mengimbang keadaan ekonomi baru ini apabila rakyat kita diterapkan dengan nilai-nilai Islam, nilai-nilai baik yang dikehendaki sebagai rakyat yang percayakan bahawa di sini tanah-air kita, di sini kita akan hidup dan di sini kita akan mati. Maka keadaan ini sepatutnya kita menjadi sebagai satu nilai yang baik bukan bagi mengambil nilai-nilai orang Arab, bukan kita mengambil nilai-nilai orang PAS, tetapi nilai-nilai Islam. Bukan nilai-nilai yang boleh merosakkan tetapi nilai-nilai yang mempunyai majoriti

rakyat dalam negara ini dan juga ini boleh diterima oleh semua puak dan pihak agama-agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada perpaduan, yang kedua saya katakan tadi. Banyak diperkatakan oleh Pembangkang di dalam Dewan ini dan 3 orang Pembangkang, 3 kali disebut—bercakap, jikalau ada lagi Pembangkang yang bangun, DAP bangun, dia akan sebut hal perpaduan ini dan menyalahkan Kerajaan dengan dasar-dasar Kerajaan pula. Kerana dasar Kerajaan yang ada sekarang inilah yang mewujudkan polarisasi kaum begitu meluas katanya.

Kelmarin wakil dari Kuala Lumpur Bandar ada menyebutkan, Ketua Pembangkang dari Kota Melaka pun sebut dan wakil dari Kepong pun sebut juga hendak menyalahkan Kerajaan. Dia tidak menyalahkan dirinya sendiri, dia tidak pernah menyalahkan dirinya sendiri. Kalau dia tahu, kalau dia pandang dirinya sendiri, dia tahu siapa yang sebenarnya bersalah dalam perkara ini dan kerana punca-punca inilah yang meletakkan punca-punca yang tidak sihat, yang dengki, irihati, prasangka buruk yang timbul di dalam masyarakat kita.

Kadang-kadang perkara itu akan lenyap dengan tidak disedari dan menganggap satu perkara yang baik untuk mewujudkan perpaduan, lantas ditimbulkan oleh pihak DAP. Isu Bukit China dibesar-besarkan, pada hal orang yang sama juga, orang yang memperjuangkan isu Bukit China itu pernah menjadi pekerja di Singapura dahulu di bawah Perdana Menteri yang ada sekarang, bagaimana kubur-kubur orang-orang Cina dan juga kuil-kuil orang-orang India untuk pembangunan, dibongkar. Semuanya ini tidak sepetah pun bersuara. Tetapi sekarang bukit yang boleh menghalang kemajuan dijadikan sebagai satu isu, bersuara menentang, berarak

dari utara sampai ke selatan, kerana tidak ada isu lain yang hendak dibangkitkan dan keadaan seperti ini adalah tidak lain untuk membangkitkan semangat supaya mencurigai kepada satu puak yang lain dan kita percaya keadaan ini hanyalah segelintir puak-puak yang menyokong DAP. Tetapi puak-puak yang menyokong orang-orang Cina dalam MCA dan GERAKAN tidak berlaku seperti itu dan keadaan inilah yang menyebabkan.

Saya tidak hairan untuk menyebutkan perkara-perkara ini kerana ini adalah perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab, dengki, irihati, kerana prasangka buruk dan sebagainya. Mereka ini juga untuk menimbulkan yang bukan-bukan, yang tidak benar yang boleh membangkitkan kemarahan satu-satu kaum kepada kaum lain.

Di dalam Dewan ini kita boleh tahu perkara yang ditimbul bukan untuk keadaan untuk membina atau ditimbul untuk keadaan menegur atau untuk memberi kebaikan, tetapi sebaliknya menimbul untuk menjadikan satu isu, untuk menjadikan satu perkara yang boleh dibesar-besarkan. Ini untuk kepentingan politik dan diri mereka. Inilah keadaan yang berlaku dalam Dewan ini, DAP telah membangkit-bangkitkan dan telah menekankan beberapa kali masalah polarisasi kaum ini adalah hasil daripada dasar Kerajaan yang tidak betul. Inilah yang disebutkan kali. Mereka tidak pernah menyebut hasil daripada tindakan yang mereka lakukan itu yang boleh memecah-belahkan bukan sahaja memecah-belahkan di antara rakyat di negara ini, tetapi boleh memecah-belahkan di dalam masyarakat Cina sendiri. Kalau orang Cina DAP ini masuk MCA atau GERAKAN, maka

orang-orang Cina tidak akan berpecah, tetapi malangnya dengan adanya DAP ini maka keadaan orang-orang Cina telah terpecah dan menimbulkan keadaan-keadaan yang boleh mencurigakan satu puak lain kerana perbuatan yang sedikit itu.

Kita tahu tanggungjawab kita sebagai satu puak majority dan orang Melayu di dalam negara ini, tetapi oleh kerana puak yang sedikit itulah yang menjadikan kita ini mencurigakan, tetapi kita tidak curiga kepada rakan-rakan kita yang ada dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali telah disebut masalah Bumiputera mendapat peluang-peluang di dalam pelajaran. Sekarang ini disebut beberapa kali dalam mendapat pelajaran, di dalam mendapat pekerjaan, di dalam mendapat biasiswa dan juga kenaikan pangkat, serta kemasukan ke universiti, pusat-pusat pengajian tinggi, dikatakan semuanya ini merupakan satu kegiatan yang boleh mewujudkan polarisasi kaum dan juga keadaan berpecah-belah. Sebenarnya ini tidak membahayakan, tetapi kalau Kerajaan tidak melakukan ini adalah lebih membahayakan, Kerajaan lakukan ini adalah dalam keadaan yang terkawal, keadaan yang boleh diterima oleh semua pihak dari segi kesedaran yang mempunyai nilai-nilai Islam dalamnya, tetapi kalau mempunyai nilai-nilai syaitan atau nilai-nilai yang dilakukan oleh DAP, maka keadaan ini sudah tentulah tidak wujud sebagaimana keadaan sekarang. Tidak ada sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti ini dapat hidup sebagaimana keadaan kita sekarang dan kita lakukan ini adalah untuk memberi hak yang sama sahaja bukan memberi hak yang lebih, hak yang sama. Ini kita kena fikirkan. Keadaan ini adalah perkara yang tidak patut ditimbulkan.

Misalnya hari ini Sijil Pelajaran Malaysia telah diumumkan bahawa 70,000 lebih rakyat anak-anak kita, saya tidak tahu angka detailnya, telah memasuki peperiksaan dan 17,000 orang mendapat Gred 1 kebiasaannya dan bagi Bumiputera yang mendapat Gred 1 ini melalui asrama penuh dan MRSM. Dalam tahun ini hanya 1,070 orang yang mengambil SPM dari Maktab Rendah Sains MARA dan lebih kurang 2,400 di asrama-asrama penuh Kerajaan.

Di dalam angka ini kita anggar-kan 90% daripadanya yang mendapat Gred 1, hanya 3,000 orang yang kita boleh terima untuk mendapat pelajaran yang lebih tinggi dan kalau sekolah-sekolah biasa hanya dalam angka 1,000 orang sahaja bumiputra yang mendapat Gred 1—daripada 17,000 hanya 4,000 sahaja bumiputra yang mendapat Gred 1. Ini bukan kerana orang Bumiputra ini tidak mempunyai otak untuk mendapat Gred 1, tetapi mereka ini tidak mempunyai kemudahan hasil daripada kemiskinan mereka. Ini kita harus perhati. Ini kita kena perhati, kalau semua anak-anak Melayu dimasukkan asrama penuh, diadakan asrama penuh dan mempunyai hak yang sama, perkara ini tidak akan berlaku seperti ini. Daripada 17,000 orang calon hanya 4,000 orang sahaja bumiputra yang mendapat Gred 1 dan yang lainnya tidak dan Kementerian Pelajaran harus membuat sesuatu keadaan seperti ini, kerana sebagaimana yang kita tahu, kita berkehendakkan tenaga kerja daripada bumiputra, ini bukan equity. Ini untuk mencapai 30%, kalau mencapai equity bukan 30%, hendak mencapai hanya 30%.

Kita menghendaki sekurang-kurangnya 8,000 orang bumiputra mendapat pelajaran Gred 1, bukan mendapat pelajaran tinggi, tetapi Gred 1 sekurang-kurangnya 8,000 orang. Jadi

dengan keadaan yang ada hanya 4,000 orang sahaja. Maka Menteri Pelajaran mesti membuat sesuatu dan untuk mencapai keadaan komposisi kaum dalam negara ini 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputra. Kerajaan juga mesti mencapai angka kepada 40,000 orang setahun untuk mencapai angka 55% tenaga kerja mesti diwujudkan dalam negara ini, kalau Bumiputra berkehendakkan keadaan hanya yang sama. Ini keadaan yang tidak mungkin, jadi kalau keadaan yang wujud inilah hendak dibangkit-bangkitkan, di mana adilnya? Oh! kalau kita membuat sesuatu dasar itu untuk kumpulan yang sedikit, untuk kumpulan DAP wah! itu adil, maka Kerajaan melakukan ini untuk kumpulan yang ramai, yang majority. Maka keadaan inilah yang kita anggapkan satu keadilan, dan DAP tidak boleh membangkit-bangkitkan.

Pada tahun 1985 ini sepatutnya kita memasukkan mereka sebanyak 49,000 orang untuk mendapat Gred 1, tetapi yang dicapai hanya 4,000 orang murid sahaja untuk mendapat 55% atau 50%. Untuk mencapai 30% kita masih berkehendakkan lagi 4,000 orang, jadi Kementerian Pelajaran mesti membuat sesuatu dan yang amat mendukacitakan di dalam memberi pelajaran menengah yang dianjurkan oleh MARA iaitu Maktab Rendah Sains MARA, Kerajaan tidak memasukkan perancangan Maktab Rendah Sains MARA ini di dalam Dasar Ekonomi Barunya, maka keadaannya berjalan dengan sendirian, tidak mendapat peruntukan sepatutnya.

Saya meminta Jabatan Perdana Menteri atau pihak berkenaan memasukkan latihan yang dilakukan oleh MARA ini, iaitu Maktab Rendah Sains MARA ini dimasukkan di dalam satu perancangan Dasar Ekonomi Baru supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak yang kita sebutkan tadi. Kalau tidak keadaan ini akan

terbengkalai, cakap banyak, hasilnya tidak seberapa. Kita tidak mahu jadi macam DAP menyalak-nyalak, tetapi bukit tidak akan runtuh dengan salakan yang dilakukan. Kerajaan harus bertindak menentukan bahawa keadaan ini akan dicapai, kalau tidak kita akan tersengih apabila sampai masanya tadi dan keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi dengan apa yang telah berlaku, kalau sekiranya kita tidak ertikan untuk mengimbang keadaan yang wujud sekarang ini. Jadi inilah perkara-perkara yang patut kita mengambil perhatian oleh pihak yang berkenaan terutama oleh pihak Jabatan Perdana Menteri menentukan keadaan dalam perancangan Dasar Ekonomi Baru ini kita memasukkan perkara yang dianjurkan oleh MARA ini dijadikan sebagai satu perancangan dalam Dasar Ekonomi Baru supaya ianya boleh sama-sama berkembang untuk memenuhi hasrat Kerajaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini saya tidak membangkitkan lebih panjang lagi, cuma dua masalah penting saya sebut tadi, iaitu masalah ekonomi negara dan masalah perpaduan akan dapat diselesaikan apabila Kerajaan dan rakyat ini diterapkan dengan nilai-nilai Islam yang akan memberi kebaikan kita bersama demi untuk keutuhan negara dan juga keutuhan bangsa kita pada masa akan datang.

Itulah sahaja, saya sudah dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai.

6.21 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyatakan perasaan syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang di-Pertuan

Agong di atas Titah Ucapan ketika membuka Persidangan Pertama bagi Penggal Ketiga Parlimen yang berlangsung pada 25hb Mac, iaitu beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong walaupun tidak banyak, tidak panjang tetapi mempunyai erti dan makna yang paling tepat dan padat ke arah dasar dan matlamat Kerajaan dan negara kepada membawa ke arah kemakmuran, kesejahteraan, kesempurnaan dan keamanan bagi negara, agama dan bangsa. Di antaranya, Duli Yang Maha Mulia juga telah menyentuh tentang perjalanan Parlimen ini sendiri di mana sehingga ini boleh dikatakan sudah lebih daripada 25 tahun dan kebetulannya pada 30 haribulan akan diadakan Perayaan bagi Menyambut Ulang Tahun ke 25 Parlimen Malaysia. Apa yang disarankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengenai Parlimen ini ialah supaya dapat kita jadikan Parlimen yang membuktikan sebagai berlangsungnya sistem demokrasi di negara kita ini agar benar-benar ianya menjadikan sebuah gelanggang ataupun satu tempat bagi dapat semua kalangan yang diwakili di dalam Parlimen ini sendiri ataupun mewakili rakyat menyampaikan pandangan dan pendapat ataupun sekurang-kurangnya untuk membincangkan masalah kebaikan dan kesempurnaan bagi negara, agama dan bangsa.

Tetapi apa yang mendukacitakan kita ialah kadangkala jika dianalisa timbulnya anggapan dan tuduhan-tuduhan dan tadipun kita dapati ada pihak Pembangkang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara sebagai menunjukkan tentang kelemahannya perjalanan Parlimen ini dan sebagai membuktikan juga mengatakan bahawa Parlimen ini sebagai tempat bermain sahaja. Setelah saya melihat

dan setelah saya sendiri turut mendengar apa yang telah diperkatakan, jelaslah bahawa apa yang diperkatakan oleh mereka sebenarnya bahawa mereka inilah yang mengambil kesempatan menjadikan Parlimen ini sebagai "stage" untuk mereka menjual ubat. Saya berkata begini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sungguhpun kita tidak menafikan ada di antaranya mereka telah memberikan pandangan, pendapat yang agak bernas yang kita tidak dapat menafikan, tetapi jelas pada ketika-ketika dan jelas pada keadaan-keadaannya mereka telah mengambil kesempatan daripada kenyataan, daripada peluang yang ada semata-mata hanya bagi mendapat kepentingan dan pengaruh politik mereka semata-mata. Dan kita adalah amat dukacita sekali sekiranya sikap mereka ini terus berterusan begini dengan menjadikan kebebasan yang ada di Parlimen ini untuk kepentingan mereka tanpa mereka memikirkan kepentingan perpaduan, kepentingan keamanan dan kepentingan kebaikan bagi kemakmuran dan kesejahteraan negara kita sendiri.

Di Parlimen ini ialah tempat menyampaikan segala pandangan dan saranan yang kita bawa daripada peringkat rakyat untuk dapat kita ketengahkan kepada perhatian dan pandangan Kerajaan dan inilah yang sebenarnya merupakan tanggungjawab kita dan inilah juga yang sebenarnya amanah yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat dan adalah amat mendukacitakan sekiranya amanah dan tanggungjawab ini tidak dilaksanakan, tetapi hanya mengambil kesempatan untuk kepentingan politik tanpa memikirkan apakah rugi untungya amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Oleh kerana Parlimen kita ini wujud bukan baru dan kita akan Merayakan Ulang Tahun ke 25, saya rasa bukan

perlu bagi kita untuk menyarankan kepada Kerajaan menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi mengkaji tentang prestasi, tentang keberkesannya Parlimen dan sebagainya, sebaliknya kita yang menganggotai inilah yang bertanggungjawab. Tidak payah orang lain menyatakan, tetapi kitalah yang perlu menghayatinya, perlu melaksanakannya untuk mempertingkatkan prestasi yang dikehendaki ataupun untuk meneliti sejauh mana keberkesanan yang dikehendaki. Tetapi sayangnya bagi Pembangkang setiap masa dan ketika hanya mengambil kesempatan untuk memomok-momokkan keadaan dan tidak menyedari siapakah yang sebenarnya yang perlu bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sukacitanya merakamkan penghargaan Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong dan kepada Kerajaan ke atas usaha-usaha Kerajaan dalam usaha mengemas dan memperlengkapkan pentadbiran serta badan-badan agensi-agensi Kerajaan sendiri untuk dapat meningkatkan kemakmuran dan mewujudkan keadilan serta mewujudkan

kesejahteraan yang maksima di dalam rancangan-rancangan pembangunan dan juga di dalam segala perancangan dan strategi yang telah menjadi asas dan matlamat bagi Kerajaan itu sendiri. Hal ini perlulah semua pihak menyedari dan semua pihak memahaminya dan malahan hendaklah juga memberi penuh kerjasama kalau kita sendiri mengingini agar segala strategi-strategi dan perancangan-perancangan yang dirancang itu akan dapat dilaksanakan ke arah membawa manfaat dan faedah dan bukan sahaja hanya kita mempunyai strategi dan perancangan tanpa mendapat sokongan dan kerjasama ke arah pelaksanaan yang lebih sempurna dan membawa kekesanan yang bermakna kepada negara dan bangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*